

## **BAB EMPAT**

### **METODOLOGI DAN AKTIVITI-AKTIVITI DAKWAH DAYAH MUDI MESRA**

Pada dasarnya dakwah adalah wajib<sup>1</sup> dilakukan oleh setiap orang Islam, sebagai ajaran agama Islam yang disampaikan sebagai rahmat untuk semua yang membawa nilai-nilai positif. Ada dua segi dakwah yang tidak dapat dipisahkan, namun dapat dibezakan, yakni mengenai isi dan bentuk (substasi dan format), pesan dan metode penyampaian (esensi dan metode). Dakwah tentu berkaitan kedua-duanya yang tidak dapat dipisahkan, namun dakwah sentiasa mempunyai dimensi yang universal yang tidak terikad dengan ruang dan masa. Dalam hal ini substansi dakwah Dayah Mudi Mesra adalah pesan agama Islam.

Berkaitan dengan ini metode (*manhaj*) penyampaian sangat penting untuk diperhatikan oleh pendakwah dalam menyampaikan dakwahnya supaya dakwah dapat mencapai matlamatnya. Dayah Mudi Mesra sebagai institusi agama Islam dalam menyampaikan dakwah telah mengatur dengan baik pada aspek substansi mahupun metodologi.

Metodologi bererti cara, pendekatan, kaedah dan lain-lain seumpama yang dilakukan secara teratur dan sistematik untuk memudahkan dan membolehkan sasaran

---

<sup>1</sup> Status kewajiban dakwah, para mufassir merujuk beberapa ayat al-Quran, antaranya surat an-Nahl (16 :125), surat ‘Ali-Imran (3:104-110), berdasarkan ayat-ayat tersebut, para ahli berpendapat bahawa kewajiban berdakwah hanya bagi orang tertentu secara profesional (wajib kifayah), ada pula yang berpandangan bahawa kewajiban dakwah itu memang tertuju kepada semua orang Islam (muslim) iaitu (wajib ‘ain) perbedaan ini memungkinkan, kerana sangat bergantung pada pemahaman dan penafsiran mengenai keberadaan kata *min* dalam kalimat *minkum* ada yang memposisikan *min at-tab’idh* (sebagian), sehingga kewajibannya menjadi (fardhu kifayah), hal ini di anut kebanyakan *mufassir*, ada yang memposisikan sebagai *min li al-tabyin wa litakhshish* iaitu (penjelasan dan pengkhususan), sehingga kewajibannya menjadi *fardu ‘ain* iautu kewajiban individual. Pernyataan ini boleh di rujuk antara lain: Lihat Al-Imam Muḥammad Fahkruddin Al-Rāziy Ibn Al-‘Allāmah Ḫiyā’u Al-Dīn ‘Umar, *Al-Tafsīr al- Kabīr wa Mafātīh al-Ghayb*, Dār Al-Fikr, Beirut: h. 182. dan Al-Shaykh Abū ‘Alī Al-Faḍl Ibn Al-Ḥasan Al-Tabrasiy (1994), *Majmu‘ al-Bayān fi Tafsīr al-Qur’ān*, Juz.II, Dār Al-Fikr. Beirut: h.352.

menerima suatu dakwah atau mendapat keberkesanannya. Metodologi sangat besar peranannya dalam dakwah kerana ia menentukan keberkesanannya suatu dakwah yang diusahakan.<sup>2</sup>

Sebagai suatu sistem, maka metodologi dakwah merupakan usaha yang teratur dalam memahami persyaratan sebagai ejen perubahan kemanusiaan. Bahkan harus mempunyai kualiti terbaik yang bermatlamat tercapainya pembangunan masyarakat yang sentiasa berada di jalan yang diredhui Allah S.W.T. untuk tercapainya matlamat di maksud, maka dalam melaksanakan dakwah harus menguasai metodologi yang tepat dalam usahan mempengaruhi masyarakat.

Usaha menyeru kepada makruf dan mencegah kemungkaran memerlukan metodologi yang rasional dan sesuai berdasarkan *wāqi‘* (situasi atau keadaan) bagi memastikan sasaran dakwah dapat menerima usaha dakwah yang dilaksanakan. Usaha ini sesuai untuk mencapai matlamat dan hasrat untuk mencapai status *khayr al-ummah* dalam sebuah masyarakat.<sup>3</sup>

Oleh kerana demikian, Dayah Mudi Mesra sebagai sebuah institusi pendidikan agama sentiasa berperanan aktif dalam melakukan aktiviti dakwah untuk mewujudkan masyarakat yang mampu mempraktikkan pengajaran Islam secara maksimum dan kaffah dalam kehidupan, beriman, adil, makmur dan bahagia di dunia dan akhirat. Adapun metodologi dakwah yang dilakukan oleh Dayah Mudi Mersra dalam pembangunan insan adalah melalui metodologi dakwah *bi al-ḥāl* dan *bi al- lisān*.

---

<sup>2</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2004), *Metodologi Dakwah*, c.II. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 7.

<sup>3</sup> Ab. Aziz Mohd Zin *et al* (2006), *op.cit.*, h. 96.

#### **4. 1. Dakwah *Bi al-Hāl***

Dayah Mudi Mesra telah banyak melahirkan pelapis dakwah yang memiliki kemahiran dan kepakaran melalui contoh teladan yang diberlakukan iaitu melalui aktiviti dakwah *bi al-hāl* sebagai suatu pendekatan dakwah kepada masyarakat tempatan khasnya. Mereka merujuk kepada pendekatan dakwah Rasulullah yang telah berjaya pada masa menyiarkan agama Islam.

Kejayaan Rasulullah S.'A.W. sebagai Nabi dan Rasul banyak bergantung kepada kemampuan baginda menunjukkan contoh teladan yang baik kepada orang-orang di persekitaran baginda. Baginda bukan sahaja berdakwah dengan kata-kata, tetapi juga dengan akhlak dan perbuatan.<sup>4</sup> Bahkan seruan Rasulullah S.'A.W. menyeru kepada umat manusia pada mula-mula sekali ialah memperbaiki budi pekerti dan secara langsung baginda melaksanakanannya sebelum menyampaikan hal-hal lain yang berkaitan seruan-seruan kepada mereka dengan kata-katanya.<sup>5</sup> Akibatnya orang-orang yang pernah bergaul dan berdamping rapat dengan baginda tertarik kepada perilakunya, dengan demikian masyarakat mudah dipercayai risalah yang disampaikan oleh baginda.

Demikianlah *al-Sunnah* sebagai sumber kedua pengajaran, perundangan dan cara hidup Islam adalah bukan bermaksud kata-kata Rasulullah S.'A.W. semata-mata, sebaliknya merangkumi sikap, perbuatan dan tindakan baginda yang dapat diketahui dan di lihat secara nyata oleh para sahabat dan manusia yang sekarang dengan

---

<sup>4</sup> Abū Sir M.T (1986), *Al-Du‘āh ilā Allāh fī al-Qur’ān al-Karīm Wa Manāhijuhu*, Azhar: Qarima al- Jāmi‘ah, h. 514-515.

<sup>5</sup> Isa Anshary. K. H. M (1991), *Mujadid Dakwah*, Bandung: CV. Diponegoro, c. IV, h. 85.

baginda. Segala perkara ini kemudian dapat diketahui melalui rekod bertulis yang dikenali sebagai *al-hadith*.

Metode dakwah *bi al-hāl* lazimnya dilaksanakan dalam ruaglingkup penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan dan cara hidup sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, dakwah *bi al-hāl* sering menumpuan terhadap usaha-usaha pembinaan akhlak dalam kalangan masyarakat. Misalnya, penerapan amalan bersepadu, toleransi, nilai teladan baik, tolong menolong, menghormati orang lain dan sebagainya. Pendakwah yang mengamalkan dakwah *bi al-hāl* perlu memperteguh diri dengan amalan, akhlak dan nilai-nilai yang baik sebelum sering menjadi contoh ikutan sasaran dakwah.<sup>6</sup>

Oleh yang demikian, dakwah yang dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra bukan semata-mata melalui ceramah, pidato dan tulisan melalui media tradisional ataupun media moden seperti media cetak dan elektronik, malahan semua gerak kerja yang baik termasuk dalam kategori pelaksanaan *ma'rūf* dan pencegahan daripada yang *munkar* adalah termasuk dalam bidang dakwah. Berhubung dengan ini Shaykh 'Alī Maḥfūz menjelaskan tentang dakwah Rasulullah S.'A.W., bahawa dakwah beliau bukan sekadar menyampaikan ayat-ayat *al-Qur'ān* dengan cara pidato di masjid-masjid dan pasar-pasar.<sup>7</sup>

Perkara di atas menunjukkan betapa pentingnya dakwah dengan perkataan, tindakan dan contoh teladan. Seterusnya seperti telah dikemukakan, 'Alī Maḥfūz juga

---

<sup>6</sup> Ab Aziz Mohd Zin, et. al (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*, c.1, Kuala Lumpur: universiti Malaya, h.106.

<sup>7</sup> Maḥfūz 'Alī (1377 / 1958), *Hidāyah al-Murshidīn Wa al-Ibdā'*, Qāhirah: Dār al-I'tisām, h. 13.

mejelaskan kehidupan baginda yang agung adalah merupakan contoh tertinggi dalam kemuliaan akhlak dan keunggulan amalan, penuh dengan kebaikan dan petunjuk.<sup>8</sup>

Menurut pimpinan Dayah Mudi Mesra Tgk. H. Hasanoel Basri Gadeng, bahawa Dayah Mudi Mesra sebagai institusi pendidikan telah melaksanakan dakwah sebagai usaha yang teratur melalui pendekatan metodologi dakwah *bi al-hāl* dan *bi al-lisān* khasnya kepada masyarakat tempatan.<sup>9</sup> Keberhasilan dakwah memerlukan pengololaan yang sistimatik dalam usaha memperolehi pencapaian matlamat iaitu dengan memperkuatkan organisasi atau institusi dan pengurusan dakwah, kerana dengan adanya organisasi dan pengurusan yang baik akan menjadi mudah dalam melaksanakan aktiviti dakwah.<sup>10</sup>

Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi di satu sisi membawa perubahan dan keuntungan yang besar dalam kehidupan manusia, tetapi di sisi lain perkembangan itu telah menimbulkan masalah yang buruk bagi kehidupan manusia. Untuk menghadapi kesan buruk dari perkembangan tersebut, manusia memerlukan pengawasan sebagai petunjuk dalam kehidupan, apatah lagi kehidupan yang serba kompleks dan globalisasi. Adapun pengawasan yang di maksud adalah agama Islam.

Berkaitan dengan masalah di atas menunjukkan bahawa selain dari tulisan dan juga terdapat media lain dalam dakwah. Inilah yang di maksud dalam disertasi ini sebagai dakwah *bi al-hāl* dan dakwah *bi al-lisān*. Walaubagaimanapun, objektif dakwah yang dilakukan Dayah Mudi Mesra tidak berubah iaitu bermatlamat untuk menyebarkan

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 16.

<sup>9</sup> Tgk. H. Hasanoel Basri Gadeng, Pimpinan Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 12 Maret 2004.

<sup>10</sup> Drs. M. Jafar puteh (2000), *Dakwah Globalisasi Sebagai Strategi Menghadapi Perubahan Sosial*, Jokjakarta: Pustaka Pelajar, c.1, h. 145.

hidayah *Ilāhi* dengan membetulkan ‘*aqīdah* (pegangan hidup), meluruskan amalan, mensucikan jiwa dan memantapkan atau mengukuhkan ikatan kesatuan dan perpaduan (persaudaraan) sesama Islam, menegakkan keadilan dan perpaduan terhadap masyarakat tempatan dan seluruh manusia.

Seterusnya Dayah Mudi Mesra juga menentang ateisme (*ilhād*) dan menolak kekeliruan dalam golongan umat.<sup>11</sup> Berhubung dengan ini ‘Ali Mahfūz menjelaskan: tidak syak lagi, bahawa maksud kepada Allah adalah menyebarkan petunjuk Islam dengan cara meluruskan ‘*aqīdah*, konsisten bekerja, mendidik jiwa, merapatkan kesatuan dan perpaduan di kalangan Islam, serta menolak ateisme dan kekeliruan.<sup>12</sup> Maka jelas bahawa dakwah Dayah Mudi Mesra adalah berasaskan ‘*aqīdah tawḥīd* yang berkaitan dengan upaya menegakan kebaikan dan mencegah keburukan dalam masyarakat, demi untuk kesejahteraan dan keselamatan manusia itu sendiri. Dalam kaitan ini pula ‘Ali Mahfūz menegaskan: Allah mengajak kepada negara sejahtera, iaitu sejahtera dari setiap kebencian dan aman dari setiap ketakutan.<sup>13</sup>

Demikian dakwah Dayah Mudi Mesra iaitu mengajak, menyeru manusia kepada jalan Allah adalah mengajak manusia ke jalan yang selamat, sejahtera, aman damai lahir dan batin, disamping memiliki keseimbangan dalam ekonomi dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Kekuatan peribadi Rasulullah S.’A.W. sebagai contoh teladan yang baik telah dirakam oleh Allah S.W.T dalam firman-Nya:

---

<sup>11</sup> Temubual dengan Tgk. Hasanoel Basri Gadenga, *op.cit.*,

<sup>12</sup> ‘Ali Mahfūz (1377/1958), *Ibid.*, h. 16.

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 17.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ  
الْأَخْرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Artinya:

Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.

Terjemahan surat al-Ahzab (21):21.

Zaidan mengumpamakan budi pekerti dan perbuatan pendakwah seperti sebuah buku yang dapat di baca oleh semua orang yang memberikan contoh tentang ajaran Islam, dapat diterima dan dapat menarik perhatian orang. Perbuatan dan akhlak yang baik itu lebih berkesan daripada ucapan atau perkataan pendakwah.<sup>14</sup>

Dakwah *bi al-hāl* Dayah Mudi Mesra pada intinya merupakan dakwah terapan, yang ternampak dalam pelbagai aktiviti yang tidak semata-mata dalam bentuk lisan atau tulisan. Menurut Moh. E. Ayub dakwah *bi al-hāl* dinamakan juga aktiviti yang diarahkan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebagiaan hidup umat, baik rohani maupun jasmani.<sup>15</sup> Anwar Masy'ari memberikan definisi dakwah *bi al-hāl* sebagai aktiviti dakwah dengan cara menunjukkan *al-akhlaq al-karīmah*.<sup>16</sup> Oleh itu, apabila Dayah Mudi Mesra mengirimkan seorang pendakwah dalam masyarakat sebelumnya Dayah Mudi Mesra telah membentuk dahulu peribadinya yang Islami seperti sifat jujur, disiplin, menepati janji, ramah-tamah dalam pergaulan dan berkata benar.

<sup>14</sup> Zaidan, 'Abd al-Karīm (1976), *Uṣūl al-Da'wah*, Baghdād: Dār al-Bayān, h. 467.

<sup>15</sup> Moh. E. Ayub(1999), *Manajemen Mesjid*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 9.

<sup>16</sup> Anwar Masy'ari, MA (1993), *Butir-Butir Problematika Dakwah Islamiyah*, Surabaya: Bina Ilmu, h. 162.

Telah dimaklumkan bahawa dakwah *bi al-hāl* Dayah Mudi Mesra merupakan aktiviti nyata dalam rangka mempengaruhi orang lain agar hendaknya merubah sikap, sifat dan tingkah laku ke arah yang lebih baik. Hal ini tidak hanya boleh dilakukan dalam bentuk ucapan dan tulisan sahaja melainkan juga dengan cara yang boleh menciptakan dan melahirkan suatu perbuatan nyata. Perkara tersebut Tgk. Said Mahiddin menjelaskan, bahawa Dayah Mudi Mesra untuk menuju ke arah yang ingin dicapai oleh setiap masyarakat Islam. Maka usaha Dayah Mudi Mesra dalam melaksanakan dakwah *bi al-hāl* adalah haruslah menjayakan masyarakat ke arah yang lebih baik melalui pendidikan agama, bakti sosial (gotong royong), pertanian, perniagaan, keterampilan, membangun tempat-tempat ibadah, sekolah dan lain-lain yang sesuai dengan kepentingan masyarakat.<sup>17</sup> Berkaitan dengan masalah ini oleh Syaikh Abdul Rahman Abdul Khaliq menyatakan:

Dakwah kepada kalangan umat Islam mencakup dalam segala bidang kemasyarakatan, seperti dalam pertanian, perniagaan, pekerjaan tangan, perburuhan, dan kepegawaian. Perlu dipertimbangkan juga tingkat kecerdasan masyarakat, di kampung atau di desa, lelaki atau perempuan, tua atau muda, orang lebih bijak atau yang lebih tinggi pendidikannya dengan orang yang rendah kebijakannya.<sup>18</sup>

Merujuk kepada perkara di atas jelaslah bahawa Dayah Mudi Mesra dalam melaksanakan dakwah hendaknya lebih memperhatikan kepada kepentingan masyarakat. Kalau dianya seorang petani, maka bentuk-bentuk dakwahnya sesuai dengan masyarakat petani, bererti para pendakwah harus mampu memberikan penjelasan cara bertani yang sesuai dengan ajaran Islam misalnya bagaimana cara

---

<sup>17</sup> Tgk. Said Mahiddin, Pengurus Bale (Balai) Rehat Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 12 Maret 2004.

<sup>18</sup> Abdurrahman Abdul Khaliq Syaikh (1996), *Methode dan Strategi Da'wah Islam*, c. I, T.T.P: Pustaka al-Kautsar, h.133.

memperoleh benih tanaman, menghargai pembatas tanah orang lain dan lainnya. Dakwah Dayah Mudi Mesra yang paling berkesan dalam pelaksanaannya adalah melalui *al-akhlāq al-karīmah*, kerana sebagai seorang Islam, seseorang itu haruslah selalu menunjukkan contoh yang baik, kerana pendakwah selalu menjadi penilaian bagi masyarakat. Akhlak pendakwah dijadikan penilaian bagi sesetengah masyarakat, sedangkan gerak langkahnya selalu menjadi perhatian. Oleh yang demikian, berjaya atau tidaknya pelaksanaan dakwah sangat bergantung pada faktor akhlak pendakwah, khasnya keperibadian pendakwah iaitu semua sifat yang ada pada pendakwah itu merupakan contoh yang boleh dicontohi oleh masyarakat.<sup>19</sup>

Menurut pengamatan penulis bahawa, Dayah Mudi Mesra sentiasa memberikan pengetahuan akhlak kepada pelajar dengan baik dan disiplin yang tinggi, apatah lagi kepada pendakwah yang akan diterjunkan kedalam masyarakat. Dayah Mudi Mesra melalui dakwahnya telah berjaya melahirkan generasi dakwah yang memiliki akhlak dan menjadi contoh yang baik dalam kehidupan masyarakat khasnya kepada masyarakat tempatan, mereka mempunyai ilmu yang mantap, berpengalaman, mahir, tekun, aktif dan pandai berpidato. Menurut penulis bahawa memiliki faktor-faktor tersebut dalam berdakwah adalah modal bagi setiap pendakwah dan untuk mewujudkan keberhasilan bagi seorang pendakwah, maka apa yang disampaikan kepada masyarakat hendaklah dilakukan oleh pendakwah apa sahaja yang disampaikan, supaya mereka lebih berkeyakinan dalam melakukan amal ibadat seperti yang disampaikan oleh pendakwah tersebut.

---

<sup>19</sup> Ali Mahfuz (1377/1958), *op. cit.*, h.13.

Akhhlak merupakan perkara yang sangat penting bagi orang Islam, konon lagi kepada seorang pendakwah. Suatu umat akan menunjukkan indentiti umat itu sendiri dan akhlak menentukan harga dan kualiti suatu bangsa, hal tersebut bermakna suatu kaum dikatakan berperibadi rendah apabila akhlak atau moral mereka rendah, sebaliknya suatu bangsa dikatakan berperadaban apabila bangsa tersebut memiliki moral yang sempurna.<sup>20</sup> Seorang pendakwah jika tidak didukung oleh akhlak yang baik, maka akan menimbulkan keraguan dan fitnah dalam masyarakat dengan sendirinya akan berakibat buruk pada kewujudan agama Islam di tengah-tengah masyarakat. Masyarakat tidak menganggap kesalahan pada pendakwah melainkan kepada ajaran agama Islam. sehingga dengan demikian akan berakibat terhadap keberhasilan dakwah yang disampaikan.

Berkaitan dengan masalah dakwah *bi al-Jāl* penulis mendapatkan dokumen Dayah Mudi Mesra yang tidak diterbitkan iaitu seseorang pendakwah mereka harus memiliki hal-hal sebagai berikut:

### 1. Membentuk Keperibadian

1. Iman dan taqwa kepada Allah S.W.T. sifat ini merupakan syarat mutlak, sebab dalam membawa misi dakwah terlebih dahulu menjadikan dirinya lebih taat kepada Allah daripada orang yang akan menjadi sasaran dakwah.
2. Tulus ikhlas dan tidak mementingkan peribadi iaitu niat mesti bersih dari segala hal yang bersifat negatif, kerana dakwah itu pekerja yang bersifat mulia.

---

<sup>20</sup> Al-Anṣārī (1984), *Ma ‘ālim al-Da‘wah*, Qāhirah: Dār al-Kitā’ah al-Muḥammadiyyah, h. 235.

3. Berbudi bahasa dan penuh pengertian, *tawāḍu'*, sederhana, tidak memiliki sifat egois, sabar dan tawakkal.

## 2. Membentuk Sikap

Ucapan yang dikeluarkan akan mencerminkan *al-akhlāq al-karīmah*, sehingga perkataan dan budi bahasa menjadi ukuran bagi masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Kata-kata dan budi bahasa, sikap hidupnya dan pola pikirnya pendakwah dapat mencerminkan bagaimana keperibadiannya. Perkataan yang lemah lembut akan mendapat tempat dalam kehidupan masyarakat, kerana budi bahasa dapat dikatakan sebagai bahan yang menghubungkan atau menciptakan pergaulan antara seseorang dengan yang lainnya. Namun jika budi bicaranya dalam kehidupan sehari-hari tidak menunjukkan karakter seorang pendakwah dan tidak mencerminkan *al-akhlak al-karīmah*, maka mereka telah memberikan contoh teladan yang tidak baik. Oleh itu, pendakwa lulusan Dayah Mudi Mesra menurut pengamatan penulis mereka telah menunjukkan akhlak yang mulia, sehingga sikapnya sangat dirasakan oleh masyarakat.

## 3. Menjadi Teladan.

Pendakwah merupakan pemberi contoh teladan yang baik kepada masyarakat sebagai objek dakwah sehingga tingkah laku dan perbuatannya selalu sesuai dengan petunjuk ajaran Islam. Dalam kaitan ini pimpinan dan teungku (guru pengajar) Dayah Mudi Mesra telah berusaha untuk melakukan pola tersebut dalam kehidupan sehari-hari dengan menciptakan suatu panduan kod etika dayah yang mengandungi nilai-nilai yang positif dalam bekerja dan melaksanakan tugas dakwah. Kod etika tersebut melibatkan kata-kata, budi bahasa, dan tingkah laku.

Kod etika tersebut berasaskan keyakinan hidup, kemurnian rohani yang melahirkan pelbagai sikap dan gelagat yang positif.

Dengan adanya perpaduan antara tingkah laku dengan pernyataan terhadap apa yang disampaikan, maka teungku (guru pengajar) sebagai pendakwah akan mendapat perhatian dari masyarakat, di dengar dan dipatuhi apa yang disampaikan. Tugas seorang pendakwah hampir identik dengan tugas seorang Rasul iaitu bertugas menyampaikan kebenaran kepada umat manusia. Semua Rasul adalah pendakwah khasnya Nabi Muhammad S.'A.W. adalah sebagai Rasul yang paling agung di antara sekalian Rasul. Pada diri baginda dijadikan pusat perhatian umat Islam di seluruh dunia.

Contoh teladan yang diperlihatkan atau dilaksanakan oleh seseorang pendakwah, baik langsung mahupun tidak langsung sangat mempengaruhi bagi orang lain. Dalam kaitan ini Anwar Masy‘ari mengatakan: perbuatan itu lebih berkesan dari perkataan, maka perbuatan para pendakwah tersebut memberi pengertian dakwah dengan cara mempertunjukkan *al-akhlak al-karīmah*. Pendekatan ini sekarang dikenali dengan sebutan dakwah *bi al-ḥāl* di mana pelaksanaannya sangat praktikal iaitu dengan mempamerkan *al-akhlak al-karīmah*.<sup>21</sup> Dalam konteks dakwah Dayah Mudi Mesra menganggap *al-akhlak al-karīmah* bukan sekadar penampilan akhlak individu atau pun kelompok, tetapi harus dimiliki oleh setiap manusia baik dalam berhubungan kepada Allah S.W. T., mahupun dalam berhubungan dengan manusia.

---

<sup>21</sup> H. Anwar Masy‘ari (1993 ), *op. cit.*, h.162.

#### 4. Berpengetahuan dan Berbadan Sihat

Para teungku yang mengajar pada Dayah Mudi Mesra amnya mempunyai pengetahuan, kecekapan dan ketrampilan yang memadai. Hal tersebut terbukti melalui pendekatan dakwah yang digunakan oleh mereka kepada seluruh kelompok masyarakat. Pengetahuan merupakan sarana yang dapat mempengaruhi bahkan menentukan materi dan strategi dakwah yang akan disampaikan.

Selain itu pimpinan Dayah Mudi Mesra mengharapkan kepada seluruh dewan guru dan pelajar agar menjaga kesihatan jasmani, kerana dalam melaksanakan aktiviti dakwah sangat diperlukan kesihatan fizikal disamping akal yang sihat. Oleh yang demikian, seorang pendakwah disamping menyiapkan dirinya dengan pelbagai pengetahuan juga menjaga kesihatan jasmani. Dalam konteks Dayah Mudi Mesra, aspek ini diwujudkan melalui projek penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit.

#### 5. Baca Buku.

Manfaat buku bagi pendakwah bukan hanya terhad sebagai media pendidikan dan pengajaran, melainkan ia bermakna pula sebagai media dakwah. Pemanfaatan buku sebagai media dakwah dapat dilakukan sebagai bentuk sarana yang memberi pemahaman guna menciptakan perubahan bagi pembacanya. Jenis buku tidak mempengaruhi bentuk aktiviti dakwah, sebab semua buku dapat menjadikan sarana dakwah. Dakwah melalui buku-buku bacaan yang berdimensi wawasan keagamaan yang membawa pembacanya ke arah terwujudnya *khayr al- ummah*.

## 6. Mendidik

Semua aktiviti yang dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra dalam rangka pembinaan masyarakat yang berdasarkan kepada pendidikan agama Islam, dalam konteks sebuah institusi Islam merupakan bagian daripada dakwah itu sendiri. Hal ini disebabkan semua aktiviti yang dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra adalah bermatlamat untuk perpaduan persepsi masyarakat dalam memahami kehidupan.

Dalam usaha perpaduan persepsi, pimpinan dayah dan dewan guru Dayah Mudi Mesra berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan suatu hubungan yang baik dan saling mempengaruhi antara teungku (guru) dengan yang pelajar antara yang membina dengan yang dibina.

## 7. Membimbing

Bimbingan dan penyuluhan masyarakat merupakan tugas utama daripada para pendakwah khasnya Dayah Mudi Mesra memberi perhatian kepada aspek ini. Bimbingan dapat menambah pengetahuan dan meningkatkan amalan-amalan yang baik kepada masyarakat sama ada persekitaran sendiri mahupun di tempat lain. Bimbingan yang dimaksudkan adalah menghala kepada *al-amr bi al-ma'rīf* dan *nahy 'an al-munkar*. Semua kondisi yang dibincangkan dalam sub-bab ini merupakan tugas penting bagi para teungku Dayah Mudi Mesra sempena melaksanakan dakwah *bi al-hāl*.

Adapun tujuan bimbingan dakwah *bi al-hāl* adalah:

1. Meningkatkan kualiti pemahaman dan amal keagamaan peribadi orang Islam sebagai pelapis bangsa yang menuju kepada kemajuan ilmu dan teknologi

2. Meningkatkan kesedaran dan kosep beragama dengan memantapkan dan mengukuhkan *ukhuwwah Islāmiyyah*
3. Meningkatkan kesedaran hidup berbangsa dan bernegara terhadap umat Islam sebagai kewujudan dari pengalaman ajaran Islam.
4. Meningkatkan kebijakan dan kehidupan sosial ekonomi umat melalui pendidikan dan usaha ekonomi
5. Meningkatkan taraf hidup umat terutama kaum *du‘afā’* dan *masākīn*
6. Memberikan pertolongan dan pelayanan kepada masyarakat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti sosial seperti perkhidmatan kesihatan, pusat pelajaran dan asuhan yatim.
7. Memperkembangkan semangat gotong-royong dan kesetiakawanan sosial melalui aktiviti-aktiviti yang bersifat kemanusiaan.<sup>22</sup>

Dalam melaksanakan dakwah *bi al-hāl* untuk memperkembangkan ajaran Islam terhadap masyarakat, Dayah Mudi Mesra telah berusaha sedaya upaya melalui aktiviti-aktiviti sebagai berikut :

#### **4. 1. 1. Dayah Mudi Mesra Dalam Bidang Pendidikan**

Dayah Mudi Mesra merupakan salah satu dari institusi pendidikan nonformal di Aceh yang masih wujud sampai sekarang. Kewujudan Dayah Mudi Mesra tidak jauh berbeza dengan dayah atau institusi pendidikan Islam tradisional lainnya.<sup>23</sup> Kepudaran populariti penyebutan dayah di Aceh salah satunya dipengaruhi oleh penyebutan pesantren yang berasal dari pulau Jawa.<sup>24</sup> Meskipun dari keinstitusian

---

<sup>22</sup> Dokumen Dayah Mudi Mesra yang belum diterbitkan. 26 Maret 2004

<sup>23</sup> T. A. Talsya (1985), "Pendidikan di Aceh Sebelum Aceh Merdeka" *Majalah Santunan*, Dalam Tahun ke VIII, No. 88, h. 14.

<sup>24</sup> Alfian, T. Ibrahim (1976), *Mengenal Masyarakat Aceh yang Sedang Membangun; Sebuah Catatan*, Banda Aceh: PLPIS, h. 83.

antara pesantren dengan Dayah Mudi Mesra tidak jauh berbeza, namun keunikan penggunaan nama dayah itu yang mencirikan bahawa dayah merupakan salah satu bukti kejayaan pendidikan di Aceh pada masa dahulu yang telah mampu menyusun secara baik setiap aspek kehidupan masyarakat, termasuk dalam aspek pendidikan.<sup>25</sup>

Ianya tidak jauh berbeza dengan peringkat pendidikan moden yang dilaksanakan sekarang, kerana sistem pendidikan dayah juga dibagi dalam tiga peringkat, iaitu surau (meunasah), balai pengajian (rangkang), dan dayah tinggi (dayah manyang).<sup>26</sup>

Surau (Meunasah).<sup>27</sup> merupakan peringkat rendah yang dipimpin oleh seorang teungku. Pada peringkat ini pelajar diberikan ilmu tentang baca tulis *al-Qur'ān*. Bekas dari tingkat pendidikan rendah ini masih ada sekarang kerana hampir setiap kampung di Aceh memiliki surau (meunasah). Tetapi sekarang fungsi surau (meunasah) semakin sempit. Surau (meunasah) hanya terhad digunakan untuk tempat solat jamaah dan mesyuarat peringkat kampung. Padahal lebih banyaknya jumlah surau (meunasah) dibandingkan dengan jumlah sekolah rendah (dasar) di Aceh sekarang menunjukkan bahawa pemamfaatan sarana pendidikan rendah di Aceh pada masa dahulu jauh lebih sempurna dibandingkan dengan masa sekarang.

Peringkat kedua dari sistem pendidikan Aceh pada saat itu adalah balai pengajian (rangkang). Pada tingkat ini pelajar hanya diajarkan kitab jawoe (arab-melayu). Sedangkan kajian yang lebih terperinci mulai diberikan pada tingkat dayah. Dibandingkan dengan surau (meunasah) dan balai pengajian (rangkang), sekarang hanya institusi dayah yang dapat dikatakan masih aktif sesuai dengan fungsi asalnya.

---

<sup>25</sup> Ali Hasjmi(1983), *Kebudayaan Aceh Dalam Lintasan Sejarah*, Jakarta: Beuna, h. 47.

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 62.

<sup>27</sup> AG Pringgodigdo Cs (1977), *Ensiklopedi Umum*, Penerbitan Yayasan Kanisius, T.T.P: h. 11-12.

Masih banyak institusi dayah yang wujud sekarang meskipun tidak semegah dayah Teungku Syiah Kuala dan Dayah Teungku Chik Awe Geutah yang pernah disebutkan dalam berbagai naskah lama.<sup>28</sup>

Sejarah mencatat bahawa Aceh pernah memiliki Dayah Tinggi (Dayah Manyang) Masjid Raya Baiturrahman Banda Aceh. Pada masa kerajaan Sultan Iskandar Muda pada abad XVI. Jamia'ah Masjid Raya Baiturrahman memiliki 44 orang guru besar yang berasal dari dalam dan luar negara. Sebagaimana universiti sekarang yang ada di Aceh. Dayah Manyang (Dayah Tinggi) Masjid Raya Baiturrahman telah dilengkapi dengan pelbagai fakulti (*dār*) seperti Fakultas Hukum (*dār al-shari'ah*), Fakulti Pertanian (*dār al-zirā'ah*), Fakulti Sastra dan Sejarah (*dār al-adab-wa al-tarīkh*), Fakulti Perdagangan (*dār al-tijārah*), Fakulti Teknologi (*dār al-ṣinā'ah*), Fakulti kajian Tafsīr dan Hadīth (*dār al-tafsīr wa al-hadīth*), serta Akademi Militer (*ma'had bait al-maqdis*).<sup>29</sup> Sungguh sangat di sayangkan bahawa dayah tersebut tidak terdengar lagi dibandingkan dengan Universitas Syiah Kuala, IAIN Ar-Raniry, serta berbagai Institusi Pendidikan Tinggi Negeri (IPTN) dan Institusi Perguruan Tinggi Swasta (IPTS) lainnya di Aceh. Hilangnya Dayah Tinggi (Dayah Manyang) di Aceh merupakan hal yang sangat menyedihkan.

Pelaksanaan pendidikan dayah masih dinamis, kalaupun tidak dikatakan lumpuh. Sedangkan secara hukum, kewujudannya di iktiraf sebagai tingkatan pendidikan formal sejak berlaku undang-undang keistimewaan Aceh.<sup>30</sup> Hal ini dikeranakan peraturan yang mengesahkan institusi pendidikan tersebut belum jelas atau tidak

---

<sup>28</sup> Alfian, T. Ibrahim (1976), *Op. Cit.*, h. 87.

<sup>29</sup> M. Noor El-Ibrahimi (1982), "Penyeragaman Kurikulum dan Penegerian Sekolah-sekolah Agama di Aceh", *Majalah Santunan*, Banda Aceh: tahun ke IX, No. 9, h. 22.

<sup>30</sup> *Undang-Undang Keistimewaan Aceh Tahun (2001)*.

dijalankan dengan semestinya. Dalam peraturan Daerah<sup>31</sup> tingkatan dayah di bagi dalam beberapa tingkatan Dayah Dasar (*Ibtidaiyah*), Dayah Pertama ('Ulyā'), dan Dayah Atas (*thanāwiyyah*), tapi dalam praktiknya pengurusi dan pentadbiran dayah tradisional tidak dilaksanakan. Misalnya pendidikan dayah masih dilaksanakan melalui sistem balai pengajian (*rangkang*) dan belum ada aturan yang merubahnya.

Menurut pengamatan penulis dari kenyataaan yang ada menunjukan bahawa pengurusi Dayah Mudi Mesra berhasil dibandingkan dengan pengelolaan secara moden. Buktinya institusi Dayah Mudi Mesra masih bertahan dibandingkan dengan dayah-dayah yang ada sekarang. Dayah Mudi Mesra telah melahirkan banyak cendikiawan yang tidak hanya dikenalil dalam bidang keagamaan, tetapi juga aktif dalam politik kerajaanan. Lebih dari itu ulama lulusan Dayah Mudi Mesra lebih produktif. Kerana itu kewujudan institusi pendidikan Dayah Mudi Mesra masih mempunyai kelayakan untuk dipertahankan sebagai sistem pendidikan Aceh.

Dalam kaitan ini penulis memandangkan bahawa masih diperlukan kajian yang lebih lanjut tentang sebab dan akibat merosotnya populariti dayah pada masa ini yang disebabkan oleh masalah pengurusan yang tidak baik. Dalam masalah ini menjadi soalan yang besar bagi Dayah Mudi Mesra. Mengapa ketika sistem pengurusan pendidikan pada masa lalu yang belum lengkap, pendidikan di Aceh boleh berjaya?. Mungkin ada banyak hal yang lupa dicontohi dari pelaksanaan sistem pengurusan pendidikan. Pelaksanaan institusi pendidikan tidak hanya dari lengkapnya sistem pengurusan dan kekuatan ekonomi. Kita tidak boleh lupa bahawa peranan aktif

---

<sup>31</sup> Dalam Peraturan Daerah Nomor 6 Tahun (2001).

masyarakat untuk memajukan pendidikan lebih dari segalanya.<sup>32</sup> Kebanyakan dayah pada masa dahulu dibangun atas sokongan masyarakat tanpa ada bantuan dari pihak kerajaan.<sup>33</sup> Di sini bahawa aspek keikhlasan dalam beramal lebih utama dibandingkan dengan hasrat untuk mendapatkan keuntungan secara ekonomi dan populariti public.<sup>34</sup> Kredibiliti kemimpinan dayah juga merupakan salah satu motivasi kemajuan dayah. Kerana itu hampir semua dayah di Aceh di beri nama sesuai dengan ulama pendirinya dan nama tempat di mana dayah tersebut dibina. Faktor ini telah mampu mendapatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi dayah.<sup>35</sup>

Bagian-bagian akademik seperti adanya institusi, pengolola, sistem pengurusan, bangunan yang sempurna, maka akan menarik minat masyarakat untuk masuk dan belajar di institusi dayah, kerana pada saat ini institusi dayah sangat kurang peminatnya dan kewujudannya pun terbiar dan kurang mendapat perhatian dari pihak kerajaan. Hal ini pernah dikatakan dalam hikayat oleh Teungku (reukoen) Aceh Pocut Muhammad<sup>36</sup> sebagai berikut:

*'Oh sare' trok bak meūnāṣāḥ, geūṭāmong leūpah sigra-sigra.  
Murid teungku na nam reutoīḥ, sare reuyoh subra donya. Na  
nyang ladoem beūet Kuru'an, ladoem tuan masailai, Ladoem  
jibeūet jurumiah, ladoem jipinah matan fatihah, Ladom jibeūet  
kitab jawoe, ladom laloe bak poh cakra.<sup>37</sup>*

<sup>32</sup> Drs. Hasbullah (1999), *Sejarah Pendidikan Islam di Aceh: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 24-27.

<sup>33</sup> M. Yakob (1985), *Dayah- dayah dan Pembangunan Masyarakat Desa*, Bandung: Penerbit Angkasa, h. 22.

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 24.

<sup>35</sup> M. Hasballah Thaib (1995), "Strategi Pembinaan Dayah Aceh dalam Rangka Meningkatkan Ketahanan Wilayah", *Makalah*, Banda Aceh: h. 11.

<sup>36</sup> Tgk. Muhammad, Guru Pengajar Balai Pengajian Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 26 April 2004.

<sup>37</sup> Institusi Adat dan Kebudayaan Aceh (1990), *Pedoman Umum Adat Aceh*, Propinsi Daerah Istimewa Aceh: h. 64.

[...Terjemahan bahasa melayu:

Ketika semua sudah sampai di surau, semua pelajar masuk dengan segera, jumlah pelajar ada enam ratus ribut sangat suasana, sesetengah pelajar membaca Al-Qur'an, yang lainnya belajar baca kitab masailal dan kitab jarūniyyah untuk belajar tafsir surat al-Fatiyah, sebagian belajar kitab Arab jawi, sebagian lagi seronok bersempang-sembang].

Dari pembahasan di atas bahawa mulai dari terwujudnya institusi Dayah Mudi Mesra dan sumbangan dalam peyebaran dakwah *bi al-hāl* dan *bi-al- llisan* pendidikan Islam dengan sistem dan kaedah klasik atau tradisional. Akan tetapi dengan perkembangan sekarang yang serba moden sistem dan kaedah yang dulu telah diabaikan oleh dayah sudah jujur dan berkembang seperti pada sekarang ini dengan banyaknya sistem yang diperbarui. Akan tetapi Dayah Mudi Mesra tetap konsisten menjaga prinsip *salaf al-salih*.

#### **4. 1. 2. Dakwah Dayah Mudi Mesra Dalam Bidang Sosio-Ekonomi**

Dalam perbincangan tentang program sosio-ekonomi yang dilaksanakan Dayah Mudi Mesra, penulis akan sudahi dengan melihat semula rumusan-rumusan panduan teoritis yang telah dikemukakan dalam bab dua sebelum ini. Perkara yang ditinjau di atas memang menunjukkan bahawa doktrin asas Islam dan ciri asasnya sebagai agama dakwah *bi al-hāl* dan *bi al-lisān* melalui program Dayah Mudi Mesra tentang doktrin dan cara hidup Islam yang serba mencakup (*shumūl*) sangat berkesan dalam masyarakat. Pendekatan ini adalah merupakan sumbangan Dayah Mudi Mesra yang berasaskan kepada tujuan ajaran Islam dan pengalaman-pengalaman organisasi Islam terdahulu.

Pimpinan Dayah Mudi Mesra Tgk. Hasanoel Basri menjelaskan bahawa, mengenai kaitan dengan matlamat yang dilaksanakan melalui aktiviti dakwah Dayah Mudi

mesra terhadap sosio-ekonomi. Dayah Mudi Mesra telah merealisasikan cita-cita dakwah *bi al-ḥāl* dan *bi al-lisān* untuk mewujudkan masyarakat yang baik, makmur dan diredayai Allah S.W.T. Pendekatan sosio-ekonomi diperangkat akar umbi itu dilakukan pula dengan mengambil kira persekitaran sosial budaya di mana Dayah Mudi Mesra bergerak. Dalam hubungan ini Aceh yang terkenal dengan semangat keislaman kuat menjadi pertimbangan utama Dayah Mudi Mesra.

Program Dayah Mudi Mesra Aceh melalui dakwah dalam bidang sosial dan ekonomi adalah menepati kehendak dakwah bagi meringan dan membebaskan rakyat dari masalah ekonomi yang sukar diselesaikan, tanpa bantuan badan yang berwibawa dan bersifat sosial keagamaan. Kewujudan Dayah Mudi Mesra Aceh sangat berperanan dalam mewujudkan sosial budaya dan sosio ekonomi Aceh. Walaubagaimanapun pada amnya Dayah Mudi Mesra mengambil kira terhadap dominasi sosio ekonomi dan sentiasa berkompromi, tetapi perkara-perkara tertentu Dayah Mudi Mesra tidak bertolak ansur seperti terbukti dalam kes penyelewengan, gerakan kristianisasi dan pelanggaran hak asasi manusia.

Pada asasnya Dayah Mudi Mesra menganggap bahawa struktur sosial-ekonomi neo liberal kapitalis yang amat berpengaruh di Aceh harus di nilai secara kritis. Salah satu cara yang dilakukan adalah mengurangkan kesan sampingan yang diakibatkan oleh sistem itu ialah melalui program ekonomi yang bersifat akar umbi (*grass-roots*) dan berteraskan sistem *mu‘āmalah* Islam yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat awam. Para tokoh dan pimpinan Dayah Mudi Mesra telah membentangkan pandangan mengenai persoalan sosio-ekonomi. Pandangan para tokoh itu jelas dipengaruhi oleh pandangan asas berdasarkan kesedaran masyarakat.

Para tokoh Dayah Mudi Mesra telah mengemukakan program perbankan (*banking*) yang bersifat Islami yang dirangangkan melalui konsep dan amalan Bank Perkreditan Rakyat (BPR) yang bergerak diperingkat akar umbi, sehingga manfaatnya secara langsung telah dirasakan oleh golongan rakyat peringkat menengah ke bawah. Dengan demikian, Dayah Mudi Mesra dapat menghindari dari terjebak ke dalam sistem perbankan yang menggunakan nama Islam, tetapi pada realitinya terpaksa bergerak dalam panduan aktiviti bank perdagangan (*commercial bank*) yang tunduk kepada ukuran baku (*standard*) bank konvensional.<sup>38</sup>

Dayah Mudi Mesra telah berjaya juga dalam mewujudkan kembali konsep *mu'amalat* yang terkandung di dalam syariah Islam dan cita-cita awal perbankan (*banking*) yang Islami pada zaman moden, seperti yang pernah diperjuangkan oleh ahli-ahli ekonomi masa kini terutama Muhammad ‘Ali al-Najjār. Bank Perkreditan Rakyat (BPR) yang dibangunkan oleh Dayah Mudi Mesra melalui pendekatan dakwah melalui aktiviti sosio-ekonomi secara kerja nyata (*‘alā baṣīrah*).<sup>39</sup>

Perbincangan tentang program dan tindakan sosial dan ekonomi Dayah Mudi Mesra dan kaitannya masing-masing dengan isi kandungan dan sasaran dakwah *bi al-hāl* menunjukkan adanya unsur dakwah dalam segala aktiviti dan program Dayah Mudi Mesra yang dilakukan secara dakwah *bi al-hāl* dan *qudwah al-ḥasanah* (contoh teladan). Dalam konteks sejarah Dayah Mudi Mesra mengemukakan prinsip ekonomi yang berkaitan dengan pandangan Islam sebagaimana yang dikemukakan oleh Tgk. Saiful Bahri dalam masalah yang berhubung dengan perbankan bahawa tokoh-tokoh

---

<sup>38</sup> Tgk. Lutfi, Staf Perhubungan Awam Balai Pengajian Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 26 Maret 2004.

<sup>39</sup> Kahf, Munzer (2000), Dalam al-Nahdah, *The Regional Islamic Da'wah Council of South East Asia and Pacific*, Vol. 19, No. 3, h. 62.

Dayah Mudi Mesra sekarang berbeza pendapat dalam memandangkan masalah ekonomi dengan pendahulunya.

Penegasan semula oleh Dayah Mudi Mesra berhubung dengan objektif dakwah yang mahukan pembangunan sosio-ekonomi yang mantap dan berjaya. Perbezaan ini berlaku kerana kebangkitan yang berlatar belakangkan gerakan *tajdīd* Muḥammad ‘Abduh, Rashīd Riḍā dan Jamāl al-Dīn al-Afghāniy sebagai penasehatnya. Kebangkitan Dayah Mudi Mesra dalam pembangunan sosio ekonomi disebabkan oleh pengalaman buruk yang dirasakan para ulama pada abad ke 15 H.<sup>40</sup>

Secara konkretnya berhubung dengan dakwah *bi al-hāl* dan usaha ke arah memperbincangkan masalah dalam bidang ekonomi Dayah Mudi Mesra mahukan supaya diwujudkan Bank Muamalah untuk menyelesaikan masalah ekonomi masyarakat. Kemahuan ini berjaya diwujudkan melalui kerja keras para tokoh Dayah Mudi Mesra. Perubahan ke arah yang positif dalam masalah ekonomi merupakan saham utama Dayah Mudi Mesra dalam dakwah *bi al-hāl*.<sup>41</sup>

Perbincangan dalam bab ini sebelum ini telah menunjukkan bahawa pandangan atas Dayah Mudi Mesra tentang Islam dan kepentingan dakwah *bi al-hāl* melalui program sosial ekonomi telah berjaya. Namun demikian, Dayah Mudi Mesra tidak memperlihatkan lambang-lambang Islam dan dakwahnya secara jujur (*distintif*), tetapi yang diperlihatkan adalah jiwa dan semangat beragama dan berdakwah.

---

<sup>40</sup> Tgk. Saiful Bahri, Guru Pengajian dan Bidang Ekonomi Dayah, Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 27 April 2004.

<sup>41</sup> *Ibid.*

Oleh itu, Dayah Mudi Mesra memandangkan bahawa doktrin Islam yang berhubung dalam bidang muamalah telah berusaha sedaya upaya mewujudkan dalam masyarakat. Malahan Dayah Mudi Mesra berpendapat bahawa masalah ekonomi merupakan masalah yang sangat penting sebagai misi dakwah melalui institusi-institusi yang membezakan seperti istilah Bank Islam (BI) atau insuran Islam. Apa yang lebih penting ialah bagaimana asas-asas ajaran Islam yang berhubung dengan soal sosio ekonomi terserap (*transformation*) ke dalam masyarakat yang sesuai dengan kehendak Islam dan memenuhi objektif dakwah sebagai dakwah *bi al-hāl*. Hal ini dilakukan dengan mengambil kira keadaan sekarang dan keperluan setempat. Dayah Mudi Mesra melibatkan diri ke dalam proses pembangunan masyarakat dalam masalah sosio ekonomi memang tidak dapat dipisahkan daripada misi kewujudan dayah, apatah lagi tokoh-tokoh Dayah Mudi Mesra adalah terdiri daripada ilmuan, aktivis masyarakat yang telibat di dalam pembinaan dan pembangunan ekonomi, budaya dan ilmu pengetahuan.

Demikianlah Dayah Mudi Mesra melibatkan diri dalam masalah sosio ekonomi untuk mencapai matlamat daripada objektif dakwah *bi al-hāl* yang diyakini oleh pemimpin dan pendokongnya yang menghayati cita-cita dakwah. Malahan sebagian daripada aktivis Dayah Mudi Mesra masyarakat mengakui sebagai tokoh-tokoh ulama yang berwibawa. Sejak awal penubuhannya Dayah Mudi Mesra telah melibatkan diri dalam pembangunan sosial ekonomi dan tidak hairan ramai lulusan Dayah Mudi Mesra menjadi wiraswasta. Dayah Mudi Mesra juga terlibat dalam mekanisme pengurusan syarikat sebagai suatu jalan strategik untuk mencapai objektif dakwah *bi al-hāl*.<sup>42</sup> Sesuai dengan pandangan Dayah Mudi Mesra yang positif terhadap kepelbagaian dan sikapnya yang terbuka, ia melihat bahawa hikmah

---

<sup>42</sup> *Ibid.*

(kebijaksanaan) adalah sesuatu yang di miliki untuk mendorong Dayah Mudi Mesra bersikap jujur. Kejujuran adalah sesuai dengan kaedah dakwah *bi al-hāl* yang sangat dituntut oleh Islam.

Memahami ajaran Islam secara luas dan serba mencakupi (*shumūliyyah al-Islām*), Dayah Mudi Mesra bersikap realistik untuk menyelesaikan masalah-masalah dengan konkret yang dihadapi umat Islam khasnya Aceh. Berhubung dengan masalah ini dakwah *bi al-hāl* melalui sosio-ekonomi Dayah Mudi Mesra lebih berkonsentrasi kepada golongan rakyat berperingkat menengah ke bawah. Hal ini sesuai dengan sikap sosial Islam seperti yang pernah ditegaskan oleh Rasulullah S.'A.W. dalam sebuah hadith Rasulullah S.'A.W. pernah menegur seorang sahabat yang di panggil Ibn 'Umm Sa'ad kerana sikapnya yang sompong terhadap orang lemah (miskin). Sebagaimana sabdanya sebagai berikut:

إِنَّمَا تُنْصَرُونَ وَ تُرْزَقُونَ وَ تُرْحَمُونَ بِضُعْفَائِكُمْ  
(رواه أبو داود و إسنادنا)  
(جيد)

Ertinya:

Bukankah kamu mencapai kemenangan dan mendapat rezeki disebabkan orang-orang lemah di kalangan Kamu?” Hadith riwayat Abu Daud dengan Isnad Jayyid.<sup>43</sup>

Oleh itu, golongan yang lemah (*al-mustad'afīn*) dalam masyarakat hendaklah diutamakan, kerana membela nasib golongan lemah (miskin) adalah salah satu tugas dakwah.

---

<sup>43</sup> Hadith riwayat Abu Daud dengan Isnad Jayyid, (t,t), *Izz al-Dīn Baliq*, h. 683.

#### 4. 2. Dakwah *Bi al-Lisān*

Dakwah *bi al-lisān* sama dengan dakwah melalui berbicara, iaitu menyampaikan pesan-pesan dakwah melalui penggunaan bahasa yang dalam istilah komunikasi dinamakan dengan *verbal communication*.<sup>44</sup> Dakwah *bi al-lisān* merupakan dakwah yang dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra daripada segala bentuk dakwah. Dayah Mudi Mesra dalam me perkembangkan dan memperkenalkan ajaran Islam kepada masyarakat juga dilakukan dengan dakwah *bi al-lisān*. Seruan tersebut dilaksanakan berdasarkan firman Allah S.W.T:

فَاصْدِعْ بِمَا تُؤْمِنْ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ

Ertinya:

Maka sampaikanlah (Muhammad), secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang yang musyrik.

Terjemahan surah al-hijr (14): 94

Berdasarkan perintah Allah tersebut, maka Dayah Mudi Mesra membuat program untuk dapat menyampaikan dakwah kepada masyarakat sebagai tugas sebuah institusi agama Islam kepada masyarakat dalam memahami dan mengenali Islam secara universal dengan menyeru dan mengajak mereka ke jalan Allah.<sup>45</sup> Walaubagaimanapun mendapatkan cabaran yang sangat berat pada masa kerajaan Indonesia, mengalami konflik antara Kerajan Indonesia dengan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) mulai 1976, dayah juga mendapatkan tekanan secara langsung iaitu tidak membenarkan mana-mana pihak untuk berceramah dalam bentuk apa sahaja

<sup>44</sup> Djalaluddin Abidin. Ass (1996), *Op. cit.*, h. 41.

<sup>45</sup> Muhammad Husain Haekal (1984), *op. cit.*, h. 102.

aktivitinya, namun Dayah Mudi Mesra tetap sahaja berani dalam melakukan aktiviti dakwahnya secara sembunyi-sembunyi.<sup>46</sup>

Dalam kaitan ini Tgk. Hasanoel Basri Gadeng menjelaskan, bahawa Dayah Mudi Mesra dalam melakukan dakwah ini berujuk kepada dakwah Rasulullah pada saat pertama mengembangkan dakwah dan memperkenalkan ajaran Islam kepada masyarakat pada masa permulaan dakwah dijalankan, walupun mendapat cabaran yang sangat berat dari pamannya sendiri, namun Rasulullah tetap berani menyeru kepada keluarga dan masyarakat yang dekat dengannya untuk beriman kepada Allah.<sup>47</sup> Sejarah telah mencatat bahawa Nabi Muhammad S.'A.W. dalam masa yang sangat terhad telah berhasil menyampaikan ajaran Islam ke seluruh Jazirah Arab melalui dakwah *bi al-lisān*. Ini bererti beliau langsung menyampaikan dan berhadapan dengan sasaran dakwahnya (*mad'ū*) untuk menyampaikan dakwah. Hal tersebut sesuai dengan yang dijelaskan oleh Aqib Suminto:

Adapun cara yang beliau gunakan adalah penyampaian dakwah secara langsung atau *face to face*, ertinya langsung beliau berhadapan dengan orang atau massa yang di dakwahi, atau secara tidak langsung, iaitu dengan membina komunikator perantara. ertinya Rasulullah mengirim sehabat-sahabat yang telah di bina untuk menyampaikan dakwah beliau kepada orang lain, sama ada sebagai anggota masyarakat mahu pun sebagai guru khas yang ditugaskan untuk itu.<sup>48</sup>

Dayah Mudi Mesra dalam pembangunan insan melalui metode pendekata dakwah *bi al-lisān* adalah menggunakan metode pendekatan dakwah *bi al-lisan* iaitu melalui pidato atau ceramah dengan mengirim pendakwah ke dalam masyarakat pendalam,

<sup>46</sup> Tgk. Hasanoel Basri, *op. cit.*, Temubual pada 27 April 2004.

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> Aqib Suminto (1984), *op. cit*, h. 48.

dakwah pada bulan ramadan, dakwah pada hari-hari besar Islam dan khutbah jumaat. Dakwah tersebut dilakukan di tengah-tengah orang ramai sehingga dapat menciptakan suasana komunikatif antara pihak yang menyampaikan (*pendakwah*) dengan pendengar (*mad'ūl*)<sup>49</sup>. Untuk lebih jelas di sini penulis membincangkan bentuk-bentuk dakwah Dayah Mudi Mesra yang telah dilaksanakan melalui dakwah *bi al-lisān* sebagai berikut:

#### **4. 2.1. Dakwah Terhadap Masyarakat Pendalaman**

Dayah Mudi Mesra dalam memberikan perhatian yang khas kepada masyarakat pendalaman yang belum begitu faham dengan agama Islam. Dalam kaitan ini Dayah Mudi Mesra mengirimkan beberapa orang pendakwah ke daerah tersebut untuk menyampaikan dakwah. Setibanya mereka di kampung tersebut mereka membuat temubual dengan pemuka agama (tokoh masyarakat). Temubual yang dilakukan oleh pendakwah adalah untuk mendapatkan informasi berhubung dengan keadaan daerah yang ingin disampaikan dakwah, sehingga tajuk dakwah sesuai dengan keadaan masyarakat dalam daerah itu.

Menurut Tgk. Helmi, Spdi mengatakan:<sup>50</sup> Dakwah yang disampaikan pendakwah yang dikirimkan ke daerah, mereka menggunakan surau, masjid, dan balai pengajian kampung yang dibina oleh masyarakat tempatan untuk mengajar anak-anak belajar membaca *al-Qur'ān* pada peringkat dasar. Dakwah seperti ini dilakukan Dayah Mudi Mesra dalam usaha meningkatkan kefahaman masyarakat kepada Islam

---

<sup>49</sup> Tgk. Hasanul Basri Gadeng, *op.cit.*, Temubual pada 29 April 2004.

<sup>50</sup> Tgk. Helmi, Spdi, Guru Pengajar Balai Pengajian Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 27 April 2004.

khasnya mengenai masalah ibadah wajib dan masalah-masalah lain yang berkaitan dengan perintah dan larangan dari agama Islam yang dianggap perlu.

Pendakwah yang dikirimkam mereka tinggal dalam satu bulan penuh, selepas itu mereka balik ke dayah dan digantikan oleh orang lain. Pengiriman pendakwah ke daerah pendalaman tersebut merupakan aktiviti yang berterusan selama satu tahun dalam satu daerah dan aktiviti ini telah menjadi program Dayah Mudi Mesra dalam konsep pengabdian masyarakat.

#### **4. 2. 2. Dakwah Ramadan**

Dayah Mudi Mesra setiap datangnya bulan suci ramadan menyusun program dengan baik dan memanfaatkan bulan ramadan dengan baik untuk menyampaikan dakawah kepada masyarakat. Dayah Mudi Mesra dalam hai ini mengirim pendakwah-pendakwah ke dalam masyarakat khasnya kampung-kampung jiran dan kampung-kampung yang ada di seluruh Kecamatan Samalanga (sub istrik) sebagai daerah letaknya Dayah Mudi Mesra, malahan sampai ke daerah-daerah lain di luar Kecamatan (sub distri), tidaklah hairan setiap datang bula ramadan ramai tokoh-tokoh agama dari kampung-kampung dan bandar-bandar yang datang ke Dayah Mudi Mesra untuk menjemput pendakwah dan menjadi imam solat isya dan terawih serata menjadi penceramah agama di surau, masjid dan balai-balai pengajian kampung setelah melakukan solat.

Dayah Mudi Mesra dalam pengiriman pendakwah mengkhususkan kepada guru-guru atau dari pelajar yang dianggap sudah mahir dan memiliki Ilmu pengetahuan yang luas selama mereka belajar di dayah melalui program belajar berpidato (*muḥādarah*)

yang dilakukan dalam masjid yang terletak dalam kawasan. Belajar berpidato (*muḥādarah*) di dayah merupakan salah satu bidang studi. Dalam setiap bulan ramadan dayah mengirim pendakwah mencecah sampai 100 orang lebih, tak kira mereka pelajar yang datang dari kampung jiran dayah maupun yang datang daripada daerah yang jauh untuk belajar di Dayah Mudi Mesra. Pada masa bulan ramadan mereka ramai yang balik kampung asalnya untuk mengambil peluang menyampaikan ceramah di kampung mereka sendiri dengan ilmu yang telah mereka dapatkan selama belajar di dayah.<sup>51</sup>

#### **4. 2. 3. Dakwah Hari-Hari Besar Islam**

Peringatan hari-hari besar Islam dalam masyarakat Aceh merupakan suatu aktiviti yang sudah menjadi budaya dan menjadi tradisi yang dilakukan oleh semua peringkat masyarakat sama ada masyarakat kampung, bandar, institusi pendidikan, institusi kerajaan dan organisasi-organisasi Islam.

Hari-hari besar tersebut seperti maulidurrasul, israk mikraj dan satu muharram. Dalam memperingati hari besar Islam mereka menghadirkan pendakwah untuk menyampaikan ceramah agama sesuai dengan tajuk perayaan, dalam kaitan ini mereka menjemput pendakwah yang ada daripada dayah-dayah, khasnya Daya Mudi Mesra yang sudah terkenal memiliki pendakwah-pendakwah yang berkualiti.<sup>52</sup>

#### **4. 2. 4. Khutbah Jumaat**

Dayah Mudi Mesra setiap hari jumaat, terutama di daerah-daerah persekitaran dayah sentiasa memanfaatkan peluang untuk mengirimkan khatib untuk berkhutbah, ada

---

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> *Ibid.*

juga pengurusi masjid yang menjemput langsung guru-guru dayah atau pelajar untuk menjadi khatib di masjidnya.

Melaui khutbah jumaat Dayah Mudi Mesra salah satu media yang sangat strategik untuk menyampaikan pesan-pesan agama kepada masyarakat yang sedang berada di dalam masjid. Peluang ini menurut Tgk. Nurzahri<sup>53</sup> salah seorang tokoh masyarakat dan sebagai pengurus masjid bahawa khutbah jumaat adalah salah satu merupakan peluang yang sangat baik dan paling strategik untuk menyampaikan pesan-pesan agama walaupun dalam masa yang sangat terhad. Hal ini kerana jamaah yang hadir dalam masjid adalah berbagai peringkat masyarakat, dari masyarakat biasa, pekerja swasta, pegawai kerajaan dan lainnya.

Dalam kesempatan ini pula pimpinan Dayah Mudi Mesra berpesan kepada sesiapa yang menjadi khatip untuk sentiasa mengajak jamaah untuk menjaga keseimbangan dalam hidup di dunia dan akhirat iaitu walaubagaimanapun sebuk dengan kerja yang dilakukan, maka sentiasa mengingat panggilan Allah terutama untuk melaksanakan solat lima waktu, menjaga amanah dalam berkerja, jujur, karena apa yang dilakukan sesungguhnya Allah Maha Melihat dan Mengetahui-Nya.

Dari pendekatan dakwah *bi al-lisān* yang dialakukan oleh Dayah Mudi Mesra melalui metode pidato (ceramah) yang di dalamnya mencakup beberapa bentuk pendekatan iaitu sebagaimana yang telah tersebut di atas sangat memberikan erti yang positif tehadap masyarakat dalam pembangunan insan. Tgk. Jailani Geudong sebagai imam besar masjid di Kecamatan Samalanga (sub distrik) dan sebagai tokoh

---

<sup>53</sup> Tgk. Nurzahri, tokoh masyarakat Aceh, di Rumah Kediamannya. Temubual 2 Mai 2004.

masyarakat Aceh membenarkan bahawa aktiviti Dayah Mudi Mesra mengenai pengiriman pendakwah kepada masyarakat pendalaman, ceramah ramadan, khutbah jumaat dan hari-hari besar Islam, kerena sebelum aktiviti dilakukan mereka terlebih dahulu diberitahukan kepadanya.<sup>54</sup>

Menurut Tgk Abdul Gani Husen sebagai salah seorang tokoh masyarakat di Kabupaten Bireuen (distrik) bahawa aktiviti dakwah *bi al-lisān* yang dilakukan Dayah Mudi Merasa sangat tepat untuk memberikan pengajaran dan kefahaman kepada masyarakat untuk melaksanakan perintah agama Islam baik yang berhubungan dengan ibadah *maḥdah* mahupu *ghairu maḥdah* dan menjauhkan diri daripada larangan agama Islam. Mengirim para pelajar untuk menjadi penceramah (pendakwah) atau muballiqh ke daerah-daerah pendalaman untuk mempraktikkan ilmunya dalam bidang dakwah memang Dayah Mudi Mesra telah berjaya, namun untuk dapat menembus tingkat intelektual perlu banyak usaha lain yang harus dilakukan melalui kerjasama Dayah Mudi Mesra dengan beberapa dayah moden di Aceh diharapkan dapat berjaya dalam melahirkan ulama-ulam sebagai generasi pendakwah yang boleh menyelamatkan umat dari kehidupan dunia yang serba kompleks dan globalisasi.<sup>55</sup>

Dalam kaitan ini, penulis juga sepandapat bahawa aktiviti-aktiviti dakwah seperti itu sangat sesuai dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra kepada masyarakat sebagai dakwah aktiviti *bi al-lisān* terhadap masyarakat yang berada dalam kondisi dunia yang serba kompleks dengan kehadiran media elektronik yang begitu dahsyat dan tidak boleh dibendung minatnya masyarakat pada masa kini untuk memiliki seperti TV dan

---

<sup>54</sup> Tgk. Jailani Geudong, Imam Masjid Kecamatan Samalanga (sub distri). Temubual 2 Mai 2004.

<sup>55</sup> Tgk Abdul Gani Husen, Tokoh masyarakat Kebupaten Bireuen (distrik). Temu bual 2 mai 2004

internet. Kita mengakui bahwa kehadiran TV dan internet dapat memberikan informasi yang mudah dan cepat, tetapi tidak hairan bahwa melalui dua media ini banyak sekali siaran-siaran yang bercanggah dengan pandangan agama Islam seperti model pakaian, pergaulan bebas dan filem-filem yang dibuat oleh orang-orang non Islam yang pada hakekatnya adalah untuk misi menghancurkan agama Islam.

#### **4. 3. Dayah Mudi Mesra Dalam Pengkaderan Ulama**

Sebagai sebuah institusi pendidikan Islam Dayah Mudi Mesra telahpun membuktikan dengan menghasilkan ulama-ulama yang berhasil menjadi *personal changed* dalam masyarakat. Prof Dr. Azyumardi Azra sebagai pengamat pendidikan Islam Indonesia mengatakan: bahwa dengan adanya perubahan dan pendidikan moden dipelbagai kawasan dunia muslim tidak banyak institusi pendidikan Islam tradisional seperti dayah akan bertahan.<sup>56</sup> Akan tetapi kenyataannya pendidikan dayah masih dapat bertahan daripada perkembangan sekarang khasnya Dayah Mudi Mesra.

Dayah Mudi Mesra sebagai sebuah institusi pendidikan tentu memiliki tujuan institusi yang merupakan peranan dan konsep dayah dalam memperkembangkan masyarakat diberbagai sektor kehidupan iaitu mewujudkan pelajar yang *tafaqquh fi al-din* yang memahami dan mengamalkan secara ikhlas yang serta merta ditujukan untuk pengabdian kepada Allah S.W.T di dalam kehidupan. Dayah Mudi Mesra melalui lulusannya dapat membangun dayah-dayah lain. Sehingga sampai dengan masa kini dayah-dayah masih wujud dalam memberikan sumbangsih yang besar dalam pembangunan masyarakat Aceh. Di samping daripada itu Dayah Mudi Mesra telah mampu juga berperanan dalam pengembangan masyarakat iatu dengan

---

<sup>56</sup> Ayumardi Azra (2002), *Pendidikan Islam (Tradisi dan Modernisasi Menuju Melenium Baru)*, Jakarta: Logos, h.111.

mewujudkan ulama-ulama yang bertugas menyampaikan dakwah Islam ke seluruh wilayah Aceh.

#### 4. 3. 1. Pengertian Ulama

Kata ‘ulama’ berasal dari akar kata علم maksudnya mengetahui atau pengetahuan; lawan dari kebodohan. Kata nama kerjanya ialah عالم dan bentuk jamaknya علام علمون, atau علماء; maksudnya adalah orang yang berilmu; lawan dari orang yang bodoh atau yang tidak berpengetahuan. Jika pengetahuannya luas sekali dikatakan ‘allāmah, maksudnya sangat ahli dan sangat berpengetahuan.<sup>57</sup>

*Kamus Ensciklopedi Islam*, Ulama adalah orang yang tahu atau yang memiliki pengetahuan agama dan kealiman tersebut memiliki rasa takut dan tunduk kepada Allah S.W.T. Kata ulama merupakan bentuk jamak dari ‘ālim atau ‘alim yang keduanya bererti ” yang tahu ” atau ” yang mempunyai pengetahuan”.<sup>58</sup>

Di Indonesia istilah ulama atau alim ulama yang semula dimaksudkan sebagai bentuk jamak yang berubah pengertiannya menjadi bentuk tunggal. Pengertian ulama menjadi lebih terhad, kerana diertikan sebagai orang yang memiliki pengetahuan ilmu keagamaan dalam bidang fiqh. Di Indonesia ulama sama dengan fukaha. Malahan dalam pengertian awam sehari-hari ulama adalah fukaha dalam bidang ibadah saja.

Adapun bagi masyarakat Indonesia ada beberapa istilah di bagi ulama. Di Aceh dikenal dengan teungku, di Sumatra Barat dikenali dengan tuanku atau buya, di Jawa Barat dikenali dengan ajengan, di Jawa Tengah atau Timur dikenali dengan kiai, di

---

<sup>57</sup> <http://islamsyumul.blogspot.com/2006/09/ulama.html>, 15 Maret 2008.

<sup>58</sup> *Kamus Ensciklopedi Islam* (1999), PT. Ictiar Baru Van Hoe Ve, Jakarta: j. 5, h. 120.

daerah Banjar atau Kalimantan Selatan, Sulawesi dan Nusa Tenggara dikenali dengan tuan guru.

Menurut kebanyakan masyarakat Islam bahawa ulama khas ditujukan kepada orang-orang yang berpengetahuan tentang ilmu-ilmu keagamaan semata-mata atau orang-orang yang faham tentang hukum-hukum keagamaan, baik mengenai aqidah dan muamalah. Dengan demikian sebutan titel ulama sesuai hanya kepada orang Islam sahaja. Dasar pengertian ulama diterangkan di dalam firman Allah S.W.T:

وَمِنْ النَّاسِ وَالدُّوَابِ وَالْأَنْعَمِ مُخْتَلِفُ الْوَانُهُرَ كَذَلِكَ إِنَّمَا تَخْشَى  
اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ .

Ertinya:

Dan demikian (pula) di antara manusia, makhluk bergerak yang bernyawa dan hewan-hewan ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah para ulama. Sungguh Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

Terjemahan surah Fāthir (22): 28

Menurut Sayyid Quṭb, membagi ulama kepada tiga macam iaitu:

1. Alim (orang yang kenal) dengan Allah dan tahu tentang perintah-Nya.
2. Orang yang kenal dengan Allah tapi tidak tahu tentang perintah perintahnya.
3. Orang yang tahu dengan perintah Allah, tetapi tidak mahu tahu dengan perintah Allah.<sup>59</sup>

---

<sup>59</sup> Sayyid Quṭb (2008), [www.al-tafsir.com](http://www.al-tafsir.com), 15 maret 2008.

Dari definisi-definisi di atas dapat disimpulkan bahawa yang dimaksud dengan ulama ialah orang-orang yang beriman kepada Allah S.W T., berpengetahuan luas tentang ilmu agama, takut kepada Allah S.W.T dengan sebenarnya dalam erti mengerjakan seluruh perintah Allah dan menjauhi seluruh laranganNya.

Jika merujuk kepada minda para cendikiawan Islam pada akhir-akhir ini bahawa pengertian ulama menurut mereka tidak terhad kepada mereka yang mengerti ilmu-ilmu agama sahaja, tetapi termasuk mereka yang mengetahui ilmu-ilmu sosial dan lain sebagainya. Alasan mereka adalah bahawa isi surat al-fātīr tidak membatasi kepada ilmu sahaja, tetapi yang menjadi ukuran adalah dengan ilmunya itu dapat menjadi taqwa dan takut kepada Allah S.W.T.<sup>60</sup> Menurut pakar filsafat Islam klasik dan para sufi mereka lebih sependapat bahawa dalam menterjemahkan kata-kata ilmu itu adalah pengetahuan empirik atau logik. Sedang untuk pengetahuan abstrak murni khasnya tentang Tuhan di dalam *al-Qur'ān* tidak ditunjukkan secara jelas bidang keilmuan yang menyebabkan seseorang dianggap alim (ulama).<sup>61</sup>

Pada surat fātīr ayat 28 misalnya kata ulama dianggap sesudah mengambarkan proses kehidupan dalam alasan ciptaan Allah. Kaitan antara penggambaran antara proses kehidupan ulama dan kesadaran akan wujud Allah (*khashyah Allāh*) dalam ayat itu seakan-akan memberi syarat bahawa alim ulama adalah orang-orang yang dapat menangkap dan merasakan wujud Allah S.W.T daripada ayat-ayat yang ada di alam. Kemampuan menangkap dan maraskan wujud Allah dari ayat-ayat yang ada di dalam alam. Dengan kata lain isyarat ayat tersebut di atas memperhatikan bahawa

---

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> *Ibid.*

ulama adalah orang-orang yang dengan ilmu pengetahuan yang dimilikinya dapat menangkap dan merasakan wujud Allah dari alam yang diciptakanNya.

Syarat-syarat tersebut jelas tidak membatasi bidang ilmu pengetahuan ulama. Syarat-syarat tersebut kelihatannya lebih menekankan fungsi ilmu-ilmu. Ulama adalah orang-orang yang dapat menggunakan ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk menangkap dan merasakan wujud Allah. Di dalam hadith dinyatakan bahawa para ulama adalah pewaris dari Nabi. Dalam sejarah Nabi Muhammad S.'A.W. mempunyai kemampuan memberikan jawapan terhadap berbagai persoalan umat waktu itu, baik yang menyangkut agama mahupun yang menyangkut persoalan di luar agama. Hadith yang menyatakan ulama adalah pewaris Nabi apabila dihubungkan dengan praktik kehidupan Nabi memberi isyarat yang dinamakan dengan pewaris Nabi itu tidak terhad pada orang yang mempunyai ilmu dalam bidang Agama sahaja, akan tetapi mencakupi semua bidang ilmu pengetahuan yang secara eksiologis dapat menggunakan ilmunya. Untuk meneruskan pesan risalah Rasulullah S.'A.W.

Kewujudan Nabi Muhammad sebagai teladan moralis dan pemimpin sosial dapat diwarisi secara sungguh-sungguh oleh ulama. Sejarah selanjutnya memperlihatkan nilai dasar Islam terhadap umat, ulama adalah teladan yang muncul dari masyarakat melalui pengakuan masyarakat berdasarkan nilai dasar (keadilan dan kepatuhanya terhadap perintah dan larangan Allah S.W.T. yang mereka miliki. Dampak daripada pergeseran pengertian ulama, bahawa Islam tidak lagi kelihatan dalam kehidupan sebagai lingkaran yang penuh.

Mnenurut Tgk. H. Hasanoel Basri Gadeng, di Aceh, (dalam erti terhad) ulama difahami sebagai orang-orang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang ilmu-ilmu agama, pengertian demikian bahawa selain merupakan warisan sejarah Islam secara am juga sesuai dengan sebagian fahaman masyarakat di Aceh. Pada sebagian pola kepimpinan tradisional yang ada di Aceh ditemukan perbezaan dalam menterjemahkan antara penguasa dunia dengan pemimpin agama. Keahlian dalam bidang agama terpisah daripada keahlian dalam urusan dunia. Terhatnya pengertian ulama yang menerangkan warisan sejarah, menemukan tempatnya pada sebagian kenyataan budaya yang ada, disamping memperlihatkan bahawa Islam sebagaimana difahami masyarakat adalah pengertian yang terhad. Islam kelihatannya di anggap terhad anjuran- anjuran yang menyangkut agama dalam erti terhat iaitu ilmu *qalam, fiqh dan tasawuf*.

Apabila merujuk kepada kewujudan ulama sebagai pewaris Nabi, teladan moralis dan pemimpin sosial bererti berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi umat dan menyelesaikan segala masalah. Dengan demikian, bahawa pengertian ulama sebagai mana difahami oleh masyarakat sekarang (dalam erti sempit), sudah perlu diperhatikan dan dikembalikan kepada makna yang sesuai dengan syarat *al-Qur'an* dan *al-hadith* yang dikemukakan di atas. Kerana kelahiran ulama sangat dipengaruhi oleh pengakuan umat, maka usaha untuk memperluas pengertian ulama menurut luasnya kefahaman nilai dasar Islam dalam kefahaman umat.

#### **4. 3. 2. Ulama dan Kepemimpinan Dayah Mudi Mesra**

Kewujudan ulama sebagai pimpinan umat adalah sebagai jabatan khusus yang dibentuk berdasarkan tuntunan agama yang diakui umat. Ulama dengan cara demikian ditempatkan dalam suatu tingkatan struktural. Kewujudan yang demikian

adalah konsekwensi daripada hakikat sendiri. Oleh kerana itu, penempatannya dalam suatu tingkatan struktural sepatutnya tidak dilakukan, teslepas dari hakikatnya tuntunan-tuntunan prinsip Islam. Sabda Rasulullah S.'A.W. bersabda yang ertinya: Dari Abū Dardā' Rasulullah berkata Aku mendengar Rasulullah S.'A.W. bersabda dan ulama-ulama itu adalah pewaris Nabi. Dalam masalah ini Nabi tidak mewariskan sesuatu dalam bentuk dinar (harta kekayaan) yang mereka wariskan adalah ilmu pengetahuan, maka sesiapa yang mengambil bagian dalam warisan tersebut, ambillah bagian yang sempurna.<sup>62</sup>

Hadith di atas jelas agama bagi Rasul memberikan pengakuan terhadap kepemimpinan ulama-ulama yang lebih berhak mewarisi kepemimpinan Nabi-Nabi dan Rasul Allah, kepemimpinan menyampaikan risalah Islam iaitu amar makruf nahi munkar. Sabda Rasul yang bermaksud: Sesungguhnya ulama di bumi ini seperti bintang-bintang di langit, dengan mereka umat yang di beri petunjuk (bila dalam kegelapan) baik di darat mahupun di laut.<sup>63</sup>

Hadith-hadith tentang ulama memperlihatkan betapa sentralnya kewujudan mereka dikalangan umat. Ulama adalah penjaga komunitas dan perumus realiti. Sebagai penjaga komuniti mereka harus berfungsi sebagai literatur dan sebagai perumus realiti dalam kenyataan hidup yang sentiasa bergerak dan mereka diharapkan menjadi intelegentia.

Mereka adalah juga menjadi figur-firug moral dan pemimpin sosial umat. Kewujudan ulama sebagai pemimpin umat dengan demikian setidak-tidaknya

<sup>62</sup> Ahmad Ibn ‘Alī Ibn Hajar al-‘Asqallānī (t.t), *Fath al- Bārī bi sharh saḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Ibn Ismā’īl al-Bukhārī*, j. 13, hadith no. 4471, h. 122.

<sup>63</sup> *Ibid.*, h. 7122.

bergantung kepada dua hal iaitu kemampuan mewujudkan tuntutan-tuntutan moral Islam sebagaimana difahami umat Islam dalam diri mereka dan kemampuan menyelesaikan persoalan-persoalan sosial dalam keagamaan umat. Terhadnya kefahaman tentang nilai-nilai dasar Islam, maka terhad pula daripada fungsi ulama itu sendiri. Pengertian ulama yang terhad dalam sejarah, maka akan menjadi terhad pula peranan kepemimpinan mereka dalam kehidupan umat. Ulama hanya berperan sebagai figur-firug moral dan pemimpin dalam urusan keagamaan. Sehingga peranan ulama dijumpai paling sedikit di dalam harapan-harapan umat.

Ulama dalam pengertian seperti itu, jelas tidak mempunyai urusan dalam bidang-bidang kehidupan lain. Dari uraian di atas nampak dengan jelas betapa besarnya ulama berperanan dan pentingnya kewujudannya di tengah-tengah masyarakat sebagai pemimpin yang sebenar. Untuk memperluas peranan ulama kepada yang lebih besar lagi, maka menurut penulis pengertian dari ulama harus diperluas sesuai dengan syarat-syarat yang dapat difahami dari ayat-ayat *al-Qur'ān* dan *al-Hadith* Rasul. Perluasan pengertian itu mutlak diperlukan. Apabila mahu disedari bahawa kewujudan ulama, maka mereka sangat berhak mendapatkan jabatan struktural kepemimpinan umat dalam berbagai aspek kehidupan (moral dan sosial).

Apabila kita perhatikan ayat-ayat dalam *al-Qur'ān* bahawa tidak ada satu ayat pun yang menjelaskan tentang definisi ulama, kecuali hanya menyebutkan cirinya iaitu taqwa kepada Allah S.W.T. Oleh kerana itu, untuk memahami pengertian ulama tersebut harus kembali kepada usul iaitu kebiasaan yang terjadi dalam masyarakat. Menurut adat atau uruf yang berlaku dalam masyarakat Aceh, bahawa gelar ulama diperolehi seseorang dengan tiga syarat iaitu:

1. Memiliki pengetahuan tentang agama Islam.
2. Mendapat pengakuan daripada masyarakat.
3. Takut kepada Allah dengan ilmunya dan taat pada ajaran Allah.<sup>64</sup>

Berkaitan dengan ini Tgk Muhammad mengatakan bahawa baru boleh dianggap seseorang sebagai ulama apabila dapat dipenuhi beberapa syarat:

1. Telah menempuh masa belajar yang cukup lama dalam bidang agama Islam, menguasainya dan mangamalkannya.
2. Tidak pernah takut kepada sesiapa kecuali kepada Allah samaada dalam berkata dan berbuat yang benar walaupun itu pahit.
3. Memiliki akhlak yang mulia dan bijak.
4. Hidup sederhana dan mengutamakan kepentingan umat.
5. Akuan masyarakat setelah melihat ketaqwaan dan keta'atannya terhadap ajaran Islam.<sup>65</sup>

Diakui atau tidak bahawa ulama-ulama yang hidup masa sekarang tidak lagi memiliki kharisma seperti ulama-ulama yang hidup masa dahulu yang dikeramatkan oleh masyarakat, namun pengaruhnya sampai sekarang tetap terasa dalam masyarakat. Hal ini kerana pengakuan sebagai ulama diiringi dengan penghormatan terhadap orang yang diakui itu. Sedang terhadap orang yang mengetahui sahaja tanpa mengamalkan tidak akan ada penghormatan itu, malahan sebaliknya akan terdapat celaan lebih daripada celaan terhadap orang yang tidak mengamalkan, sedang ia pun tidak mengetahui.

---

<sup>64</sup> Tgk. Zakaria Abdullah, Lulusan Dayah Mudi Mesra dan Guru Bantu, Rumah Kediamannya. Temubual pada 2 Mai 2004.

<sup>65</sup> *Ibid.*

Dalam kaitanya dengan kepemimpinan bahawa setiap institusi pendidika seperti Dayah Mudi Mesra dituntut untuk memberikan pelayanan yang baik kepada staf, guru pengajar dan pelajar yang disokong oleh sistem pengurusan yang baik pula. Ada beberapa ciri sistem pengurusan yang baik iaitu adanya pola fikir yang teratur (*Administrative thinking*), pelaksanaan aktiviti yang teratur (*Administrative behavior*) dan bijak terhadap aktiviti-aktiviti secara baik (*Administrative attitude*).<sup>66</sup> Pada asasnya setiap pengololaan suatu institusi pendidikan masyarakat harus memiliki pemimpin dan kepemimpinan yang khas. Dalam kepemimpinan sekarang di era reformasi sangat diharapkan kepemimpinan yang mampu mewujudkan masyarakat dayah menjadi faktor pendokong terhadap aktiviti dalam persekitaran dayah.

Dayah Mudi Mesra menganut sistem kepemimpinan yang terbuka di mana tugas pemimpi hanya memberika pengarahan dan musyawarah untuk melaksanakan program-program dayah, sedangkan urusan teknik diserahkan kepada staf yang telah ditunjukkan seperti pengurus dayah, guru pengajar dan lain-lainnya, mungkin kerana kepemimpinan dayah sangat kompleks, maka ianya bergantung kepada kapasiti tengku pimpinan dayah.

Berdasarkan hasil kajian penulis mendapatkan sejumlah sifat-sifat peribadi yang melekat pada pimpinan dayah yang efektif iaitu rasa tanggungjawab, bijak dalam menyelesaikan tugas, bertenaga, tepat, berani mengambil resiko, asli, percaya diri, terampil mengendalikan stres, mampu mempengaruhi dan mampu mengkoordinasikan usaha pihak lain dalam rangka mencapai tujuan institusi.

---

<sup>66</sup> Drs.H.M. Sulthon Masyhud, M.Pd, Drs. Moh. Khusnurdilo, M.Pd (2003), *Manajemen Pondok Pesantren*, Jakarta: Diva Pustaka, h. 23.

Berkaitan dengan masalah kepemimpinan dayah penulis mengharapkan bahwa dalam mencapai visi dan misi, para pimpinan dayah supaya dapat mengadaptasikan kurikulum untuk memenuhi tuntutan keperluan belajar pelajar. Memahami pola pengurusan dayah secara tepat dalam merebut kesempatan dalam persaingan global dan melibatkan unsur masyarakat dalam mengembangkan dayah khasnya dunia industri.

#### **4. 3. 3. Usaha-Usaha Dayah Mudi Mesra Dalam Pengkaderan Ulama**

Pada masa ini khususnya masyarakat Islam di Aceh bingung tentang kewujudan ulama, bahkan ada yang mengatakan ulama adalah makhluk langka yang perlu dilindungi. Ada orang menyatakan: Patah tumbuh hilang berganti, tidak demikian halnya dengan para ulama. Apabila satu patah belum tentu ada yang tumbuh, demikian juga kalau ada yang meninggal belum tentu ada penggantinya.

Dalam masalah ini Nabi Muhammad S.'A.W. bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبضُ الْعِلْمَ إِنْتَرَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعَبَادِ وَلَكِنْ  
يَقْبضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يَبْقَ عَالَمًا إِتَّخَذَ  
النَّاسُ رُؤُوسًا جَهَا لَا فَسَأَ لَوَا فَأَفْتَوْا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَأَضْلَلُوا  
وَأَضْلَلُ (رواه مسلم)

Ertinya:

Sesungguhnya Allah tidak mencabut Ilmu dengan mencabutnya dari setiap hamba, akan tetapi Dia mencabutnya dengan mewafatkan para ulama, sehingga Allah tidak meninggalkan seorang alimpun, lalu manusia menjadikan orang-orang jahil menjadi pemimpin mereka. Mereka ditanya kemudian mereka berfatwa tanpa dasar ilmu sehingga sesat dan menyesatkan. (HR Muslim).<sup>67</sup>

---

<sup>67</sup> Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Hajar al-Asqallānī (t.t), *op. cit.*, hadith, no.1202, h. 842.

Menurut pengamatan penulis bahawa di Aceh khasnya sekarang sudah terasa bahawa *warāthah al ambiyā'* sudah semakin langka dan berkurang, sehingga perlu berhati-hati terhadap orang-orang yang jahil yang mengaku sebagai ulama.

Dayah Mudi Mesra merupakan salah satu institusi pendidikan Islam di Aceh berusaha sedaya upaya untuk mewujudkan ulama yang menjadi pengikut umat masa hadapan. Oleh kerana itu, dalam perbahasan ini akan dijelaskan peranan Dayah Mudi Mesra dalam mewujudkan ulama. Adapun ulama yang dilahirkan adalah boleh berperanan dan berfungsi sebagai berikut:

1. Menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat.
2. Menterjemahkan idea-idea pembangunan ke dalam bahasa yang difahami oleh masyarakat dengan bahasa agama Islam.
3. Memberikan pendapat, saranan dan kritikan terhadap idea-idea dan cara-cara yang dilakukan untuk suksesnya pembangunan.
4. Memotivasi dan membimbing masyarakat untuk ikut serta dalam usaha pembangunan.
5. Menggerakkan masyarakat untuk melakukan amar ma'ruf nahi munkar.
6. Membimbing masyarakat untuk menjadi pelaku, bukan menjadi sasaran dalam pembangunan.<sup>68</sup>

Dayah Mudi Mesra menganggap bahawa membimbing umat agar mengamalkan ajaran Islam adalah merupakan amanah yang dipikulkan kepada pundak para ulama terutama. Maka tugas dayah-dayah yang ada di Aceh adalah mewujudkan ulama

---

<sup>68</sup> Dokumentasi Dayah Mudi Mesra yang belum diterbitkan di bagi oleh Tgk. Said Rajuddin, Pengurus Dayah Mudi Mesra pada 16 Maret 2004.

walaubagaimanapun kondisi dan suasinya harus dilaksanakan. Suatu institusi pendidikan baru dianggap berhasil jika telah berhasil mewujudkan lulusan yang mampu memperkembangkan misinya.

Adapun usaha-usaha Dayah Mudi Mesra dalam mewujudkan generasi ulama yang mampu melanjutkan perjuangan agama Islam dan memberikan fatwa-fatwa terhadap masalah yang terjadi dalam perkembangan sekarang. Di samping itu pula telah mampu mewujudkan dayah-dayah sehingga masyarakat senang untuk belajar ilmu agama dengan banyaknya dayah. Menurut pengamatan penulis bahawa usaha yang seperti ini Dayah Mudi Mesra dianggap berhasil, terbukti dengan banyaknya dayah-dayah baru ditumbuhkan yang dipimpin oleh lulusan Dayah Mudi Mesra. Para lulusan dayah tersebut yang dikirimkan ke dayah-dayah baru yang memerlukan seorang pengajar-pengajar yang di pilih secara selektif agar misi yang ditargetkan dapat tercapai.

Bagi pelajar yang sudah lulus juga dibrikan izin untuk melanjutkan pendidikannya ke universiti dengan harapan suatu saat akan dapat mendekati pihak penguasa dalam rangka melahirkan ulama yang moden. Dalam hal ini kita menyaksikan cukup banyak lulusan Dayah Mudi Mesra dijawatan agama Islam, malahan ada yang menjadi askar. Untuk berjaya Dayah Mudi Mesra dalam mewujudkan generasi ulama, maka pendidikan yang diberikan kepada calon ulama harus mencakup berbagai-bagi disiplin Ilmu duniawi dan ukhrawi. Untuk mencapai matlamat tersebut Dayah Mudi Mesra memberikan pendidikan tambahan kepada pelajar dalam bentuk pendidikan pertanian dan bisnis. Dalam hal ini, penulis melihat pengurusan koperasi dayah cukup baik di Dayah Mudi Mesra.

Yang dimaksud dengan institusi pengkaderan ulama adalah suatu institusi pendidikan yang khas mendidik, membimbing dan mempersiapkan generasi ulama untuk masa hadapan dengan sistem pendidikan yang di iktiraf oleh kerajaan Aceh. Institusi pengkaderan ulama tradisional yang iktiraf masyarakat Aceh semenjak dahulu adalah melalui pendidikan dayah. Institusi keagamaan dan pendidikan tertua di Aceh yang memiliki identiti khas dan berjasa besar, bukan sahaja dalam memperkembangan Islam malahan terhadap perkembangan bangsa dan negara. Walaupun pada masa penjajahan, institusi dayah mendapat tekanan, namun ianya tetap hidup, tak pernah mati sampai sekarang dan telah banyak melahirkan ulama dan pemimpin bangsa, negara dan agama, serta perjuang nasional. Pada masa sekarang terdapat tiga macam dayah Aceh iaitu dayah salafiyah, dayah moden dan dayah terpadu.

Penulis melihat dayah pada masa kini telah berhasil mencetak ulama adalah dayah salafiyah yang termasuk di dalamnya Dayah Mudi Mesra, melihat perkembangan dayah moden, penulis yakin suatu masa dayah moden akan menjadi harapan dari masyarakat. Adapun dayah terpadu, penulis merasa kurang nyakin untuk dapat melahirkan ulama, kerana pelajaran-pelajaran yang di ajar sangat terhad mengenai masalah agama, kerana dayah terpadu merupakan usaha kerajaan untuk merubah sistem dayah salafiyah dan moden yang selama ini susah di isi dengan muatan kebijakan (*policy*) kerajaan.

Adapun institusi dayah yang ikut bekerja sama dengan Dayah Mudi Mesra adalah dayah-dayah yang pimpinannya lulusan dari Dayah Mudi Mesra. Setiap Dayah yang ditumbuhkan dayah salafiyah yang berkembang di Aceh pada amnya ditubuhkan oleh lulusan Dayah Mudi Mesra. Setiap dayah yang ditubuhkan oleh lulusan Dayah Mudi Mesra di mana pada ujung nama dayah tersebut diberi nama

dengan *al-Aziziyah* iaitu sebagai ciri khas dayah yang dibangsakan kepada nama Allahyarham Abon Tgk Hj.Abdul Aziz Bin Saleh sebagai salah seorang pimpinan Dayah Mudi Mesra yang telah berjaya dalam mempengurusi Dayah Mudi Mesra di masa hidupnya.<sup>69</sup>

Berhubung dengan kerja sama dengan IAIN Ar-Raniry sebagai salah satu universiti agama Islam di Aceh walaupun tidak ada dalam bentuk tertulis namun hubungan hati antara pimpinan Dayah Mudi Mesra Mudi Mesra dengan beberapa tokoh IAIN Ar-Raniry cukup erat dan mesra, malahan tokoh-tokoh ulama IAIN Ar-Raniry ramai yang aktif dalam menubuhkan insyafuddin iaitu sebuah organisasi yang menjadi pelindung bagi dayah di seluruh Aceh.

Sebagaimana diketahui bahawa majoriti penduduk Aceh menganut mazhab syafi'i dalam bidang fiqh dan asy'ariyah dalam bidang aqidah. Oleh itu, segala fatwa yang tidak sejalan dengan fahaman *ahlus sunnah wa al jamā'ah* tidak di terima oleh sebagian besar masyarakat pencinta dayah salafiyah. Apatah lagi pada amnya bahawa ketua majelis fatwa di Majlis Ulama Aceh (MUI) Aceh di pegang oleh lulusan Dayah salafiyah atau minimum ulama yang berfahaman sejalan dengan salafiyah. Dengan demikian terjadilah hubungan baik antara Majelis Ulama Islam (MUI) dengan Dayah Mudi Mesra.

Masyarakat mengharapkan ulama yang mampu menerangi dirinya sendiri dan memancarkan cahaya pula kepada orang lain. Dayah Mudi bermatlamat mewujudkan ulama yang membimbing umat, harus dekat dalam berinteraksi dengan umat. Ulama-harus berakar ke bawah selain berpucuk ke atas erti: berhubungan dan

---

<sup>69</sup> Tgk. Said Sirajuddin, Pengurus, Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 26 Maret 2004.

berkomunikasi dengan kelompok masyarakat, apakah ianya seorang penguasa, cendikiawan, rakyat awam dan lainya. Untuk mencapai hal tersebut maka para ulama harus independen, bebas, merdeka, tidak boleh masuk salah satu parti politik mana pun untuk mendapat kepercayaan dari umat, dan daripada pihak kerajaan.<sup>70</sup>

#### **4. 4. Faktor Tarikan Dakwah Dayah Mudi Mesra**

Dayah merupakan institusi pendidikan Islam yang tertua di Aceh yang telah di iktiraf oleh masyarakat sebagai institusi dakwah yang memiliki akar sejarah. Dayah Mudi Mesra sampai sekarang masih wujud dalam masyarakat. Hal ini terbukti dayah masa kini masih memperlihatkan keaslian walaupun kewujudanya seusia dengan proses Islamisasi di Negeri ini.<sup>71</sup>

Penyebaran agama Islam tampaknya telah mendorong lahirnya institusi dakwah sebagai sarana aktiviti. Kemunculan institusi pendidikan Islam di Aceh ekoran penyebaran dakwah Islam yang berterusan menyampaikan ajaran-ajaran Islam, baik yang terdapat dalam *al-Qur'ān*, *al-Hadith*, mahupun yang telah dikaji oleh ulama-ulama salaf sepetimana yang ada dalam kitab-kitab klasik.<sup>72</sup>

Menurut Pigeaud semenjak permulaan penyebaran Islam, tidak diragukan lagi bahawa teks-teks Islam telah digunakan dalam pengajaran agama Islam. Membaca *al-Qur'ān* merupakan masalah yang terpenting dalam praktik keagamaan. Kerananya membaca *al-Qur'ān* merupakan pengajaran utama dalam pendidikan Islam di Aceh

---

<sup>70</sup> Tgk. Saed Sirajuddin, Pimpinan Pengurus, Balai Pengajian Dayah Mudi Mesra, Temubual pada 29 Maret 20004.

<sup>71</sup> Karel A. Steen Brink (1986), *Dayah, Madrasah, Sekolah, Pendidikan Islam dalam Kurun Modernisasi*, Jakarta: LP3 ES, h. 142.

<sup>72</sup> Ismail Sunny (1980), *Bunga Rampai Tentang Aceh*, Jakarta: Bhatara Karya Aksara, h. 84.

khlasnya pendidikan Islam pada peringkat rendah yang mengarahkan pada pengajaran membaca *al-Qur'an* termasuk membaca dan menulis huruf Arab Jawi.<sup>73</sup>

Usaha-usaha penyebaran agama Islam kepada masyarakat di Aceh memunculkan institusi-institusi pendidikan. Institusi pendidikan Islam yang diajarkan pada masa awal adalah untuk penyebaran ajaran Islam melalui pendidikan dayah oleh masyarakat Islam, sehingga terwujud sistem pendidikan Islam dalam masyarakat.<sup>74</sup>

Dariuraian tersebut di atas, maka jelaslah bahawa Dayah Mudi Mesra merupakan salah satu institusi agama Islam yang telah berperanan aktif dalam memperkembangkan dakwah di Aceh. Kewujudan dayah melalui aktiviti-aktiviti keagamaan sangat menentukan lajunya transformasi dakwah dalam kehidupan masyarakat. Sehingga banyak permasalahan masyarakat dapat diselesaikan dengan pendekatan dakwah.

Menurut pengamatan penulis dan pengakuan Tgk. Zakaria Abdullah sebagai ketua dalam bidang pergerakan dakwah menyebutkan bahawa ada beberapa faktor tarikan dakwah Dayah Mudi Mesra iaitu:

1. Dayah Mudi Mesra ditubuhkan sebagai pemberi informasi terhadap ajaran Islam melalui aktiviti-aktiviti dakwah khasnya kepada masyarakat tempatan malahan keseluruhan pulusuk Nusantara, baik dalam masalah kepercayaan,

---

<sup>73</sup> Pigeaud (1967), *Literature of Java: Descriptive List of Javanese Manuscript*, j. I. Leiden: Bibliotheca Universitatis Leidensis, h. 59.

<sup>74</sup> Abd Rahman Mas'ud (2004), *Intelektual Dayah Perhelatan Agama dan Tradisi*, Yogyakarta: h. 116.

budaya mahupun kondisi sosial masyarakat melalui pelapis-pelapis dakwahnya yang dipersiapkan dari segala sitem kehidupan masyarakat.

2. Dayah Mudi Mesra Memiliki tujuan dakwah yang jelas dalam pengembangan masyarakat. Dakwah dilaksanakan sesuai dengan tujuan mengajak manusia untuk melakukan *amr makrūf nahi munkar* sesuai dengan penciptaan manusia dan proses kehidupannya menurut ajaran Islam, di mana manusia diciptakan dari segumpal darah, kemudian ianya di beri ruh oleh Allah SWT dan dilahirkan ke dunia untuk mengabdi kepadaNya.
3. Dayah Mudi Mesra mampu melahirkan pendakwah yang betul-betul menjadi pemberi respon terhadap situasi dan kondisi masyarakat yang sedang dihadapkan pada runtuhnya sendi-sendi moral. Melalui transpormasi nilai *amr makrūf nahi munkar* pendakwah dapat menjadikan ejen perubahan sosial (*agent of social change*) yang sentiasa melakukan kerja-kerja pembebasan (*liberation*) khasnya kepada masyarakat tempatan dari segala keburukan moral, penindasan politik, pemiskinan ilmu pengetahuan, mentransformasikan masyarakat dari kekafiran kepada kesalehan dan malahan dapat berfungsi sebagai pelaku pengembangan masyarakat.
4. Metode dakwah yang digunakan Dayah Mudi Mesra sesuai dengan tutunan *al-Qur'ān* yang mengajak umat manusia dengan cara *bi al-hikmah wa al-maw'idah al-hasnah*, baik melalui dakwah *bi al-hāl* seperti bidang pendidikan dan bidang sosio-ekonomi mahupun dakwah *bi al-lisān* yang dilakukan iaitu melalui dakwah terhadap masyarakat pendalam, dakwah

Ramadan, dakwah hari-hari besar Islam dan khutbah jumaat sebagaimana telah dijelaskan pada awal bab empat sebelumnya.

5. Dayah Mudi Mesra disamping mampu melahirkan ulama-ulama yang diharapkan dapat memperluas jaringan dengan menubuhkan cawangan-cawangan dayah yang baru kepada masyarakat pendalam dalam menyampaikan dakwahnya. Juga memberikan izin kepada setiap lulusan untuk melanjutkan pendidikannya kepada institusi kerajaan seperti IAIN Ar-Raniry Banda Aceh dan universiti-universiti lain baik kerajaan maupun swasta. Hal ini terbukti bahawa ramai lulusan Dayah Mudi Mesra yang berkerja di kerajaan, malahan tidak kurang juga yang mendapat jabatan sebagai orang penting dalam kerajaan dan beliau merasa senang sebagai lulusan dari dayah tersebut.<sup>75</sup>

#### **4. 5. Kejayaan Dayah Mudi Mesra Dalam Aktiviti Dakwah**

Sesuai dengan matlamat dari penumbuhan Dayah Mudi Mesra Samalanga Aceh Bireuen (distrik), bahawa dayah ini telah melahirkan ramai para ulama yang tersebar di merata tempat di Aceh, Sumatera Utara, bahkan di pulau Jawa seperti Allahyarham. Tgk. Tgk. Syahbuddin Syah, yang di kenali dengan Tgk. Peudada, Tgk. Keumala di Medan Sumatra Utara, Tgk. Tumin Blang Blandeh, Allayarham Tgk. Abdullah Ujung Rimba, Allahyarham Tgk. Kruet Lintang, Allahyarham Tgk. Ibrahim (Pimpinan. Dayah Budi Lamno Aceh Barat Daya (distrik), Tgk. M. Kasim TB sebagai Ketua Rabithah, Allahyarham Tgk. Abdullah sebagai pimpinan Daya Tanoh Mirah, Drs. Tudin yang saat ini berada di Jakarta dan ramai lagi ulama -

---

<sup>75</sup> Tgk. Zakaria Abdullah, Lulusan Dayah Mudi Mesra dan menjabat sebagai ketua pergerakan dakwah , Rumah Kediamannya. Temubual pada 2 Mai 2004.

ulama besar Aceh lainnya.

Aktiviti dayah dalam bentuk pengabdian kepada masyarakat sudah cukup cemerlang. Pengabdian kepada masyarakat berorientasi kepada pengabdian guru untuk dayah-dayah salafiyah yang baru ditubuhkan.. Para pendakwah (*muballigh*) telah berhasil merebut hati masyarakat, kebanyakannya mereka adalah lulusan Dayah Mudi Mesra. Perkara ini membawa konsekwensi bahawa pendidikan mengenai metode dakwah harus lebih banyak diberikan kepada pelajar agar mereka lebih berhasil dalam masyarakat. Pengabdian seperti ini sudah di mula Dayah Mudi Mesra semenjak ianya ditubuhkan. *Sibghah* dayah salafiyah di Aceh sampai masa ini menjadi pilot projek bagi jabatan agama di Aceh salah satunya adalah Dayah Mudi Mesra.

Dayah Mudi Mesra ini telah melahirkan pegawai-pegawai jabatan agama Islam di Aceh setelah mereka melanjutkan pendidikannya di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry atau Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta (PTAIS) seperti Drs. Hj. Ghazali Mohd. Syam bekas pengarah Jawatan Agama Aceh Utara (distrik) yang pernah menjabat sebagai setiausaha. Beliau adalah lulusan Dayah Mudi Mesra dan termasuk bekas pelajar yang berhasil juga berperanan dalam mewujudkan antara dayah salafiyah dengan pihak kerajaan.<sup>76</sup>

Dengan demikian jika lulusan Dayah Mudi Mesra ingin berkerja pada kerajaan untuk menjadi pejabat di bidang agama mesti melanjutkan pendidikannya ke IAIN atau PTAIS yang diiktiraf oleh kerajaan. Kerana sijil daripada lulusan dayah tidak diiktiraf oleh kerajaan untuk menjadi pengawal kerajaan. Oleh kerana itu, Dayah Mudi

---

<sup>76</sup> Ghazali Mohd Syam, Lulusan dan Sebagai Tokoh Masyarakat, Rumah Kediamannya di Samalanga (sub distrik). Temubual pada 28 Maret 2004.

Mesra mengharapkan kepada lulusan-lulusannya untuk hidup berdikari. Walaupun pelajar lulusan hidup dengan penuh kesederhanaan namun hati mereka cukup kaya dan mereka berhasil merebut hati umat.

Menurut data Dayah Mudi Mesra yang belum diterbitkan, sampai hari ini lulusan Dayah Mudi Mesra dapat di bagi kepada tiga golongan iaitu:

1. Sebagian besar menjadi pimpinan dayah di Aceh, Sumatera Utara dan pulau Jawa. Mereka adalah lulusan yang tidak meneruskan pengajiannya ke Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Universitas Syiah Kuala (Unsiyah) atau Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta (PTAIS) dan keluar Negeri. Adapun hasil-hasil yang lebih jelas dari misi Dayah Mudi Mesra Samalanga (sub distri) adalah menghasilkan dayah-dayah besar, menengah dan kecil yang dipimpin oleh lulusan Dayah Mudi Mesra.
2. Menjadi pegawai kerajaan, guru agama Islam dan menjadi ahli parlemen. Mereka adalah yang melanjutkan pendidikannya ke PTAIS dan IAIN atau pun ke Timur Tengah, Asia dan Eropah.
3. Menjadi wiraswasta mereka terhitung sangat sedikit hanya sahaja mereka yang memang memiliki modal yang cukup serta memiliki watak sebagai peniaga..<sup>77</sup>

#### **4. 6. Keberkesanan Aktiviti Dakwah Dayah Mudi Mesra**

Sub bab ini bermatlamat untuk memperlihatkan kesan aktiviti Dayah Mudi Mesra terhadap masyarakat Aceh. Sesebuah institusi Islam tidak boleh hidup sendiri, tetapi

---

<sup>77</sup> *Ibid.*,

berdampingan dengan banyak institusi, kelompok, tradisi dalam suatu masyarakat. Sesungguhnya institusi agama Islam merupakan bagian suatu sistem yang lebih luas yang mencakup semua ciri kemasyarakatan yang mempengaruhinya. Sistem inilah yang dinamakan dengan persekitaran dalam sebuah institusi Islam

Menurut Tgk Sulaiman Hanafiah sebagai salah seorang pakar politik di Aceh bahawa persekitaran menjadi utama terhadap sesebuah institusi seperti Dayah Mudi Mesra kerana ianya dapat berperanan kepada dua hal iaitu:

1. Persekutuan dapat menyediakan ilmu pengetahuan sedangkan institusi-institusi lain mungkin dapat menyediakan dukungan kewangan, sokongan politik dan teknologi.
2. Persekutuan menawarkan batas atau halangan, sedangkan kelompok-kelompok lain yang wujud boleh menentang tindakan organisasi atau berlomba memperebutkan sumber tekanan-tekanan politik.

Hal tersebut berkait rapat dengan pengalaman Dayah Mudi Mesra pada masa Aceh dalam keadaan konflik kurang berhasil melaksanakan program seperti yang dirancangkan, sebaliknya zaman reformasi masyarakat Aceh berhadapan dengan kondisi sosio-politik baru juga menghambat aktiviti dayah. Hal ini menimbulkan kesukaran dalam membuat penilaian yang tepat tentang kesan program Dayah Mudi Mesra terhadap masyarakat Aceh. Kesan Dayah Mudi Mesra terhadap masyarakat Aceh mengalami masalah, kerana kesan sesebuah institusi terhadap masyarakat akan bertumpang tindih dengan pelbagai unsur keadaan sosial yang sedia ada termasuk sumbangsan pelbagai organisasi Islam yang pernah wujud di Aceh khasnya.

Aceh mempunyai sejarah ke Islam yang panjang dan unik di rantau ini, malahan pengislaman Nusantara bermula dari wilayah Perlak (Pasai) Aceh Timur (distri) yang di ikuti dengan pengislaman kerajaan Melaka, Pattani, Jawa, Maluku, Kepulauan Sulu, Brunei Darussalam dan lainnya. Selain itu dalam sejarah Aceh moden, telah wujud pelbagai organisasi sosial keagamaan yang sempat mempengaruhi seperti Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA). Walaubagaimanapun kehadiran Dayah Mudi Mesra dalam suasana masyarakat Aceh sedang berhadapan dengan realiti sosio-politik dan ekonomi yang berfokus pada pembangunan (*developmentalism*). Setelah begitu lama berada di bawah sistem demokrasi terpimpin. (*Guided democracy*) yang menggabungkan Nationalisme Agama Dan Komunisme (NASAKOM), maka kehadiran Dayah Mudi Mesra dalam masyarakat Aceh benar-benar memberikan kesan yang sangat positif.

Dayah Mudi Mesra telah menyumbang kepada masyarakat Aceh dalam pelbagai bidang terutama dalam pemberdayaan (*empowerment*) pendidikan agama dan budaya (tamaddun) masyarakat. Pada hakikatnya setiap dayah berusaha meyakinkan masyarakat mengenai kebenaran Islam dan melatih penganutnya ke arah memahami dan mengamalkan ajaran Islam. Dalam kaitan ini Dayah Mudi Mesra mempunyai cita-cita yang mulia untuk menarik seluruh umat Islam untuk memahami ajaran Islam dan memotivasi mereka ke arah mencapai keadilan, kebenaran, kesucian dan keindahan. Berasaskan kepada perbincangan sebelum ini, bahawa Dayah Mudi Mesra telah berkerja keras ke arah mencapai matlamat daripada dayah sebagai sebuah institusi agama Islam.

Dayah Mudi Mesra menganggap kewajipan memahami ajaran Islam sebagai perkara yang melibatkan setiap bidang aktiviti dan perhatian manusia, semua aspek kehidupan adalah berhubungkait dengan agama, bukan hanya ibadah ritual atau upacara suci, malahan mencakupi seluruh metode dan gaya hidup individu dalam keluarga, masyarakat dan negara. Menurut keyakinan Dayah Mudi Mesra Islam bukan agama yang hanya berfokus pada kontemplasi yang memisahkan kepentingan duniaawi dan ukhrawi atau antara kebendaan dan kerohanian. Sebaliknya Islam adalah agama yang relevan dengan perkembangan sekarang, tidak kira di dapur, di pasar, di masjid sama ada zaman pra-moden, moden dan pasca moden mencakupi persoalan sosio-politik dan ekonomi. Bekaitan dengan itu Dayah Mudi Mesra dalam melaksanakan misi dakwah tidak bercanggah dengan tatussila mahupun adat istiadat masyarakat setempat. Masyarakat Aceh merupakan masyarakat agamis yakni masyarakat yang taat terhadap ajaran Islam, sehingga Aceh dikenali sebagai Serambi Mekah.<sup>78</sup>

Dalam menumbuhkan (*empowerment*) Dayah Mudi Mesra merujuk kepada usaha mencergaskan kembali bidang-bidang yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup masyarakat, sasaran utama adalah terhadap ketiga-tiga agenda tersebut iaitu masyarakat kelas menengah ke bawah. Dengan kata lain Dayah Mudi Mesra memperjuangkan kepentingan masyarakat Aceh dengan menggunakan strategi pembangunan akar umbi (*Grass root development*) yang berpandukan konsep Islam serta mengambil kira teori pembangunan yang sudah ada sekarang. Tetapi Dayah Mudi Mesra tidak menerapkan pendekatan pembangunan neo-liberalisme yang

---

<sup>78</sup>Tgk. Saiful Bahri, Staf Perhubungan Awam, Dayah Mudi Mesra Temubual pada 28 Maret 2004.

berfokus ke arah pembentukan syarikat raksasa dengan sasaran mencapai keuntungan maksimal dan manfaat optimal seperti yang menjadi tumpuan penjajah.

Masyarakat dipersekutaran Dayah Mudi Mesra merupakan masyarakat tradisional sehingga menjadikan kaedah bersemuka sebagai kaedah yang sesuai untuk menyampaikan dakwanya. Sedangkan para lulusan Dayah Mudi Mesra khasnya yang telah meneruskan pendidikannya ke peringkat yang lebih tinggi dipelbagai universiti sama ada di dalam negara maupun di luar negera seperti Malaysia, Brunei Darussalam, Mesir, Sudan, Arab Saudi dan lainnya, mereka telah mampu menggunakan media lainnya seperti *video compact disk* (vcd), *liquid crystal display* (lcd), *Overhead Projector* (ohp), *internet*, sebagai media dakwah.

Sedangkan bagi para lulusan Dayah Mudi Mesra yang tidak meneruskan pengajiannya, mereka lebih memilih untuk menubuhkan dayah lain di kawasan lain, terutama di kampung halaman mereka. Ramai di antara mereka yang menjadi teungku chik (tok guru) selepas mereka tamat dalam pengajian. Begitu juga halnya dengan para lulusan yang belum memiliki pekerjaan, mereka diperbantukan di dayah-dayah yang baru ditubuhkan.

Meskipun mereka telah menamatkan pembelajaran di dayah tersebut, namun mereka masih berhubungan antara satu dengan yang lainnya. Melalui perkumpulan lulusan Dayah Mudi Mesra yang ditubuhkan mereka terus aktif dalam setiap aktiviti keagamaan. Mereka juga menjadi pakar dalam Permusyawaratan Ulama Aceh (PUA) dan dalam organisasi Islam lainnya institusi seperti Badan Kemakmuran Masjid (BKM), Lembaga Dakwah Aceh (LDA) selain beberapa organisasi politik Islam.

Demikianlah usaha-usaha Dayah Mudi Mesra dalam mengelapis dan melahirkan para pendakwah yang sampai sekarang masih aktif. Seluruh program pendidikan yang dilaksanakan di Dayah Mudi Mesra sampai sekarang berorientasikan kepada insitusi pendidikan dan dakwah. Misi ini bermatlamat untuk terus melahirkan ulama-ulama sepanjang masa. Sehingga dapat mengantikan ulama-ulama yang sudah lanjut usia dan tidak energik, maka dianggap sesuai Dayah Mudi Mesra dijadikan sebagai institusi pengkaderan ulama.

Sebagai dayah yang tergolong aktif di Aceh jika di lihat daripada orientasi, karakteristik dan bentuk aktivitinya, maka mesti menimbulkan pro dan kontra dikalangan masyarakat. Bagi masyarakat yang tidak banyak memahami secara langsung bagaimana sebenarnya aktiviti yang dilaksanakan dibandingkan dengan mereka yang mengetahuinya, tentu mereka berbeza dalam menilai dan menanggapinya. Demikian juga halnya dengan mereka yang benar-benar terlibat langsung dalam pengembangan dakwah Islam dan mereka yang tidak turun pangan.

Walaupun demikian, tempat dan kedudukan tidaklah menjadi faktor utama, sebaliknya prinsip yang dipegang oleh setiap individu terhadap perjuangan Islam itulah yang lebih utama. Ini kerana di mana pun mereka berada, kalau prinsip ke-Islamannya kuat, maka setiap ucapan dan usaha yang dilakukan akan selalu mengarah kepada tegaknya panji-panji Islam.

Berkait dengan perkara ini, Tgk. Haji Hasanoel Basri Gadeng sebagai pimpinan menjelaskan tentang semakin meningkatnya aktiviti yang dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra dalam upaya meningkatkan taraf hidup dan martabat masyarakat.

Berhubung dengan itu beliau mengatakan: bahawa semua aktiviti yang dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra merupakan aspirasi mereka yang disalurkan melalui pekerjaan yang positif bagi pembangunan insan.<sup>79</sup> Dan Menurutnya pula bahawa aktiviti yang dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra tidak ada larangan jika tidak bercanggah dengan agama dan tidak menimbulkan masalah bagi ketenteraman masyarakat serta kestabilan kerajaan. Apatah lagi semua yang dilaksanakan tidak ada yang melanggar peraturan dan adat istiadat dalam masyarakat.

Berkaitan dengan pendapat tersebut Tgk.Hj. Gazaly Muhammad Syam atas nama tokoh masyarakat iaitu semua aktiviti Dayah Mudi Mesra sudah cukup baik, malahan dapat meningkatkan semangat umat Islam dalam mengkaji dan mengamalkan ajaran Islam. Hanya sahaja perlu di ingat bahawa jangan sampai aktiviti-aktiviti menghala kepada masalah-masalah yang berakibat tidak baik bagi kestabilan masyarakat, bertentangan dengan konstitusi dan peraturan-peraturan kerajaan. Meskipun demikian, beliau menegaskan bahawa sesuai dengan aspirasi yang berkembang dalam masyarakat Aceh bahawa aktiviti-aktiviti yang bermatlamat membantu masyarakat Dayah Mudi Mesra mesti sentiasa berusahakan melalui institusi-institusi atau organisasi-organisasi yang sesuai dalam mewujudkan setiap aspirasi masyarakat.<sup>80</sup>

Dalam hal ini, menurut pengamatan penulis, Dayah Mudi Mesra Aceh sudah mengambil langkah-langkah yang tepat dalam pembangunan masyarakat di Aceh khasnya.. Tgk. Ridwan Abdullah pula menjelaskan bahawa dalam keadaan seperti

---

<sup>79</sup> Tgk. Hasanoel Basri Gadeng, Pimpinan Balai Pengajian Dayah Mudi Mesra. Temubual pada 22 Maret 2004.

<sup>80</sup> Tgk.H. Gazali Muhammad Syam, Tokoh Masyarakat Kampung Letaknya Dayah Mudi Mesra, Rumah Kediamannya. Temubual pada 22 Maret 20004.

sekarang ini, kehadiran Dayah Mudi Mesra memang sangat diperlukan untuk merumuskan program-program kerja dalam usaha untuk mengaplikasikannya ke dalam kehidupan masyarakat, sehingga jika kita mahu jujur menilai apa yang telah dilaksanakan Dayah Mudi Mesra adalah telah pun berjaya dibandingkan dengan organisasi-organisasi lain yang ada di Aceh.<sup>81</sup>

Usaha-usaha untuk mengajarkan masyarakat memang telah banyak dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra. Aktiviti-aktiviti tersebut merupakan usaha untuk memasyarakakan hasil pengkajian serta meneliti fenomena sosial secara langsung sejauhmana keberkesanan pelaksanaan program tersebut sebagai tanggungjawab sebagai sebuah institusi agama terhadap masyarakat, kahasnya kepada masyarakat tempatan. Setelah dilakukan penyelidikan bahawa, kewujudan Dayah Mudi Mesra sebagai sebuah institusi agama Islam sangat bermanfaat dalam memberikan kefahaman tentang Islam terhadap masyarakat tempatan khasnya dan kepada masyarakat Islam lainnya, namun diharapkan aktiviti-aktiviti tetap dilaksanakan secara berterusan dan perlu dipertingkatkan.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan tersebut di atas, maka jelas Dayah Mudi Mesra sangat positif dalam melaksanakan aktivitinya terhadap masyarakat sebagai sasaran program kerja Dayah Mudi Mesra telah merasakan adanya perubahan dalam kehidupan sehari-hari baik rohani maupun jasmani.

---

<sup>81</sup> Tgk Ridwan Abdullah, Pengurus Dayah Anak Yatim Ummu Aiman, Beliau Merupakan Lulusan dari Dayah Mudi Mesra, Rumah Kediamannya yang Berada di Lokasi Dayah Ummu Aiman. Temubual pada 22 Maret 2004.

Pandangan asas Dayah Mudi Mesra adalah seperti yang tersurat dan tersirat di atas, jelas menunjukkan bahawa doktrin Islam berhubung dengan perihal mu'amalah perlu ditegakkan di dalam masyarakat yang berasaskan kepada iman, taqwa dan amal saleh. Ketiga-tiga itu adalah asas utama dakwah yang juga menjadi asas utama segala aktiviti dan program sosial Dayah Mudi Mesra.

Merujuk kepada matlamat Dayah Mudi Mesra jelaslah menunjukkan bahawa doktrin-doktrin asas Islam yang serba mencakupi (*shumūl*) jelas menjadikan Dayah Mudi Mesra bersemangat menegakkan sistem Islam kepada setiap sendi kehidupan sosial budaya dan sosial-ekonomi. Perkara ini telah memotivasi untuk berperanan membangun program sosial-ekonomi dan sosio-budaya melalui perkhidmatan kepada seluruh peringkat masyarakat dengan metode yang amat terbuka. Ini dapat membantu memperkuat pola Dayah Mudi Mesra ke arah dakwah *bi al-hāl* dan *bi al-lisān*.

Dalam konteks suasana kongkrit program sosio-ekonomi Dayah Mudi Mesra begitu bermakna, mengingatkan pelbagai unsur dalaman dan luaran termasuk gerakan kristianisasi antarabangsa yang bekerja keras melalui kaedah dan perkhidmatan berupa materi dan jasa kepada rakyat awam yang sangat memerlukannya. Melalui program sosio-ekonomi Dayah Mudi Mesra telah melaksanakan secara nyata terhadap keperluan dan bemilikkan masyarakat.

#### **4.7. Cabaran-Cabaran Dakwah Dayah Mudi Mesra**

Selama bertahun-tahun lamanya, Dayah Mudi Mesra telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti baik dalam memberikan pendidikan kepada pelajar mahupun dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti

tersebut pihak pengurus tidak merasakan adanya hambatan yang bererti, sebab seluruh aktiviti dilaksanakan mendapat sokongan kuat dari masyarakat. Akan tetapi dalam banyak aktiviti yang dilaksanakan tidak dapat berjalan dengan maksimum, kerana ada beberapa bidang permasalahan yang terdapat pada Dayah Mudi Mesra. Adapun cabaran-cabaran yang di alami Dayah Mudi Mesra adalah sebagai berikut:

#### **4.7.1. Kewangan**

Kewangan adalah salah satu sarana untuk mencapai matlamat dari sebuah aktiviti yang ingin dilaksanakan. Kekurang kewangan disebabkan Dayah Mudi Mesra belum memiliki badan usaha yang dapat membantu kewangan dayah. Dayah Mudi Mesra berbeza dengan dayah moden yang mengutip biaya dari pelajar, akan tetapi Dayah Mudi Mesra hanya sahaja mengutip uang lampu untuk bayar elektrik. Pimpinan Dayah Mudi Mesra dalam mengurus dayah tidak ada gaji, tetapi benar-benar mengharapkan redha Allah S.W T.

Bantuan dari pihak kerajaan hanya sedikit sekali dibandingkan dengan keperluan dayah, mungkin kerana dayah ini bukan pendidikan yang di iktiraf oleh kerajaan, yang hairanya adalah ketika tiba pada masa mahu pilihan raya ramai dari parti-parti politik datang menjanjikan bantuan dengan matlamat agar pimpinan dayah menyokong partinya dan tidak menyokong parti lain, yang sangat mengherakan pula ketika partinya itu menang janjinya tidak pernah ditepati, apatah lagi kalah. Jadi masalah kewangan merupakan salah satu kendala bagi Dayah Mudi Mesra untuk pengurusan dan pembangunan dayah.

#### **4.7.2. Pengurusan**

Pengurusan adalah seni dan ilmu perencanaan, pengorganisasian, pengarahaman, pengkordinasian serta pengontrolan untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Pengurusan merupakan sebuah proses yang khas yang terjadi dari tindakan-tindakan perencanaan, pengorganisasian, menggerakkan dan pengawasan yang dilakukan untuk menentukan serta mencapai sasaran yang telah ditetapkan melalui pemanfaatan sumber daya manusia serta sumber sumber lainnya. Untuk mencapai sasaran yang ditargetkan haruslah melibatkan unsur-unsur iaitu:

1. Pemanfaatan sumber daya manusia

1. Unsur manusia
2. Unsur ilmu pengetahuan
3. Unsur Seni
4. Unsur kurikulum

2. Mutu kepengurusan menentukan matlamat yang akan dicapai maka Dayah Mudi

Mesra mesti dalam melakukan aktiviti dapat mewujudkan:

1. Aktiviti-aktiviti yang harus dilaksanakan untuk mencapai tujuan.

2. Mempersiapkan orang yang akan melaksanakan aktiviti tersebut.

3. Menjalin hubungan dengan orang-orang yang mengerjakan aktiviti yang sama atau hampir sama.

4. Melengkapi orang tersebut dengan kekuasaan untuk dapat melaksanakan pekerjaannya.

5. Menentukan matlamat yang dicapai iaitu dalam bahasa agama dinamakan dengan niat dan dalam ilmu pengurusan dinamakan dengan perencanaan.

Penumbuh Dayah Mudi Mesra sejak awal sampai sekarang memiliki rencana dan niat yang ikhlas dalam mengurus dayah, malahan mereka tidak pernah mengharap balasan dari sesiapa sahaja kecuali redha Allah S.W. T., hanya sahaja aktiviti aktiviti yang dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut dilaksanakan secara tradisional dan tidak di dukung oleh teknologi dan informasi yang sesuai dengan perkembangan sekarang. Aktiviti-aktiviti Dayah Mudi Mesra lebih banyak diarahkan untuk memahami kitab kitab kuning klasik dengan mempersiapkan pelajar untuk memahami dinamika masyarakat di abad moden.

### 3. Mempersiapkan Generasi Pimpinan Dayah

Unsur yang ketiga dalam bentuk mempersiapkan orang yang akan menjadi pelapis masa hadapan agak sulit kerana bergantung kepada kewangan dan guru-guru yang mahu bertahan selama hidupnya. Sementara kebanyakan guru senior, lebih mengutamakan membangun dayah yang baru milik sendiri dibandingkan dengan memperkembangkan Dayah Mudi Mesra. Umumnya mereka takut dengan jaminan hidup mereka masa hadapan. Meskipun para lulusan telah banyak yang memiliki dayah sendiri namun hubungannya dengan Dayah Mudi Mesra cukup harmonis.

Kerja keras dan keseriusan Tgk Hj. Hasanoel Basri Gadeng dalam mengurusi Dayah Mudi Mesra sebagai pimpinan, maka kewujudan dayah ini masih bertahan seperti mana adanya. Sedangkan dayah tradisional yang lain banyak yang menjadi tidak aktif dikeranakan pimpinannya sibuk dengan aktiviti di luar dayah.

#### 4. 7. 3. Guru Tetap.

Cabarannya yang sangat berat yang dihadapi institusi pendidikan yang berdasarkan keikhlasan adalah mempertahankan guru-guru senior, kerana tidak ada jaminan

kesejahteraan mereka masa hadapan. Menurut Tgk Hj. Hasanoel Basri Gadeng pada amnya guru-guru senior yang sudah menjadi guru setelah berkeluarga mereka menumbuhkan dayah sendiri atau bekerja di tempat lain, sehingga guru senior di Dayah Mudi Mesra berkurang.<sup>82</sup> Setelah di kaji, maka diketahui sebab-sebab guru-guru tersebut tidak mampu bertahan ada beberapa faktor iaitu:

1. Mencari wang untuk bia hidup keluarga.
2. Bosan kerana sudah sangat lama tinggal di dayah.
3. Mendapatkan pekerjaan baru di dayah lain yang bergaji.
4. Melanjutkan pendidikan ke universiti atau perguruan tinggi dengan matlamat menjadi pegawai kerajaan.

Maka jelaslah bahawa Dayah Mudi Mesra sampai saat ini mengalami kekurangan guru senior, sementara guru-guru yang ada sekarang ini adalah pelajar-pelajar yang diperbantukan untuk melaksanakan tugas-tugas yang semestinya dilaksanakan oleh guru senior.

Demikianlah beberapa masalah yang menjadi cabaran pihak pengurusan Dayah Mudi Mesra dari duhulu sampai sekarang. Tetapi yang jelas, cabaran tersebut telah pun berjalan bertahun-tahun. Walaupun demikian, kewujudan dayah ini tidak terjejas dan masih wujud sehingga sekarang.

Setelah penulis buat penyelidikan terhadap Dayah Mudi Musra, maka untuk mempertahankan kewujudan Dayah Mudi Mesra penulis mengharapkan kepada pimpinan, dewan guru, pelajar dan pengrusi Dayah Mudi Mesra untuk dapat

---

<sup>82</sup> Tgk. Hahasanoel Basri Gadeng, Pimpinan Dayah Mudi Mesra. Temu bual 22 Maret 2004.

menelaah kembali bagaimana pengorbanan para penumbuh dan tokoh tokoh Dayah Mudi Mesra pada masa dahulu dalam menumbuhkan dan memperkembangkan dayah pada masa awal kewujudannya.

Menurut penulis kejayaan Dayah Mudi Mesra sebagai sebuah institusi pendidikan agama Islam, jika pimpinan, dewan guru dan perhubungan awam Dayah Mudi Mesra mampu menyesuaikan diri dengan keadaan sekarang, sama ada dalam sistem pendidikan mahupun menganai metodologi dakwah dan perkembangan sekarang. Walaupun Dayah Mudi Mesra telah banyak melalakukan aktiviti yang sangat bermunafaat bagi masyarakat tempatan khasnya, namun ianya harus mengakui bahawa, Dayah Mudi Mesra pada masa ini mengalami kemunduran dibandingkan dengan dayah moder yang baru lahir pada masa kini.

Memperhatikan kepada cabaran dan hambatan yang di alami Dayah Mudi Mesra dalam menjalankan misi, maka dengan ini perlu diperhatikan beberapa usaha yang dapat dilaksanakan untuk mengurus usaha-usaha tersebut. Dalam hal ini penulis mempunyai idea bahawa Dayah Mudi Mesra dalam menghadapi masalah kewangan perlu dipikirkan badan usaha dayah yang produktif untuk memenuhi kebutuhan pembangunan dayah dan kesejahteraan para pengasuh dayah. Melihat kepada jumlah pelajar lelaki dan perempuan yang menetap belajar di dayah rasanya sudah cukup apabila mampu mewujudkan Bank Muamalat (BM) walaupun belum sampai ketingkat Bank Pengkreditan Syariah (BPRS). Kerajaan memang telah menumbuhkan Badan Amal Infaq dan Sadaqah (BAZIS), akan tetapi kepercayaan umat terhadap BAZIS yang ditumbuhkan oleh kerajaan belum seperti yang diharapkan, tetapi penulis nyakin kalau dayah yang mengurus masalah tersebut

masyarakat akan mempercayai. Dalam perkara ini adalah kenapa ulama- ulama dayah kurang berperan dalam masalah Badan Amal Infaq dan Sadaqah (BAZIS) ?.

Masalah ini perlu didampingi oleh pengurusan kewangan yang benar dan terampil. penulis yakin jika Dayah Mudi Mesra sepakat untuk menggunakan zakat mal untuk matlamat produktif, maka hasilnya akan dapat dimanfaatkan untuk pengembangan dayah. Di Aceh cukup banyak syarikat-syarakat (projek projek vital) seperti Mobil Oil, Peseroan Terhad Aron (PT. Arun), Perseroan Terhad Pupuk Iskandar Muda (PT. PIM), Perseroan Terhad Aceh Asean Fertilizer (PT. A.A.F) dan Pabrik Kertas KRAFT. Bantuan dari kerajaan tidak boleh diharapkan, kerana untuk membayar pendidikan am sahaja tidak cukup wang. Oleh itu, Dayah Mudi Mesra mesti berdikari seperti semula dan harus mewujudkan ulama yang berdikari.

Dalam masalah administrasi Dayah Mudi Mesra juga terlihat masih belum bagus. Sebuah institusi merupakan salah satu unsur utama dalam ilmu pengurusan. Dari itu sekarang perlu dibaiki administrasi dengan baik. Dalam masalah ini penulis mengamati bahawa ulama- ulama dayah amnya memiliki niat yang ikhlas untuk mendapat redha Allah S.W.T. hanya saja kekurangan pengetahuan tentang administrasi yang benar dan sistem pengelolaan yang baik, tetapi matlamat tersebut tidak tercapai disebabkan oleh masalah kewangan. Jika setakat ini pimpinan Dayah Mudi Mesra kurang kerja sama dengan institusi kerajaan, swasta dengan dan cendikiawan Islam, maka sekarang perlu melakukan pendekatan antara kedua kelompok ilmuwan tersebut untuk mengembangkan dayah ke arah yang lebih cemerlang dalam menghadapi era- globalisasi.